

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## PENGUNAAN ADAT SEBAGAI HUKUM DI SABAH

### *CUSTOMARY USE AS LAW IN SABAH*

Mohammad Ali Abdullah<sup>1\*</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>2\*</sup>, Mohd Khairi Lebai Ahmad<sup>3</sup>, Mohd Nasrun Mohd Talib<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: [alidah@ums.edu.my](mailto:alidah@ums.edu.my)

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: [saifulazry.mokhtar@ums.edu.my](mailto:saifulazry.mokhtar@ums.edu.my)

<sup>3</sup> Kolej Tingkatan Enam (Prauniversiti) Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: [g-09243566@moe-dl.edu.my](mailto:g-09243566@moe-dl.edu.my)

<sup>4</sup> Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS), Malaysia  
Email: [nasrun.talib@islam.gov.my](mailto:nasrun.talib@islam.gov.my)

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 30.06.2025

Revised date: 20.07.2025

Accepted date: 20.08.2025

Published date: 01.09.2025

##### To cite this document:

Abdullah, M. A., Mokhtar, S., Lebai Ahmad, M. K., & Talib, M. N. M. (2025). Penggunaan Adat Sebagai Hukum Di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (41), 179-209.

DOI: 10.35631/IJLGC.1041012

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk dengan pelbagai bangsa, suku kaum, agama, bahasa, adat dan budaya. Setiap suku kaum itu mengamalkan adat, budaya dan tradisi yang tersendiri yang berbeza antara satu dengan yang lain. Mereka juga bebas mengamalkan kepercayaan agama masing-masing tetapi agama rasmi yang digunakan di dalam Persekutuan Malaysia adalah agama Islam dan ini tertulis di dalam perlembagaan Malaysia. Justeru itu, sudah tentulah pelbagai adat, budaya dan tradisi yang dipraktikkan itu sebahagian besarnya adalah berdasarkan kepada pegangan dan kepercayaan kepada agama masing-masing. Dari banyaknya adat, budaya dan tradisi yang diamalkan itu, terdapat sesetengahnya menepati syarak Maksudnya tidak bercanggah dengan syarak dan ada juga yang bercanggah dengan syarak tapi masih diamalkan oleh sebahagian masyarakat dan menganggapnya sebagai sebahagian dari ajaran agama Islam. Bertitik tolak dari kejahilan masyarakat mengenai adat, budaya dan tradisi inilah maka perlunya diperjelaskan dengan sejelas-jelasnya mana satu di antaranya yang tidak melanggar dengan syarak dan boleh diamalkan dalam kehidupan. Antara metodologi yang digunakan untuk merungkai permasalahan ini ialah Pengkajian dan Pembacaan untuk mengkaji, membaca dan meneliti manakah di antara adat, budaya dan tradisi yang dipraktikkan itu tidak bercanggah dengan hukum syarak dan boleh diamalkan dalam kehidupan. Metodologi Perbandingan diguna pakai untuk tujuan perbandingan adat, budaya dan tradisi itu dengan adat, budaya dan tradisi yang dibenarkan dalam Islam berdasarkan kepada dalil-dalil syarak dan begitu juga dengan perbandingan pendapat ulama empat mazhab (Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam Syafie dan Imam Hanbali)

mengenai kesepakatan dan perselisihan atau perbezaan pendapat mereka dalam sesuatu hukum agar satu resolusi terbaik dapat disimpulkan dan ditetapkan dan metodologi terakhir yang diguna pakai ialah metodologi Pengeluaran Hukum dengan tujuan untuk sampai kepada natijah hukum samada adat, budaya dan tradisi itu boleh diguna pakai yang tidak terdapat padanya unsur-unsur yang diharamkan dalam Islam seperti percampuran bebas antara lelaki dan perempuan, membuka aurat, menyekutukan Allah, dan tidak menimbulkan polemik bid'ah atau khurafat. Di akhir perbincangan, dapat disimpulkan bahawa banyaknya adat, budaya dan tradisi yang dipraktikkan di dalam masyarakat yang bercanggah dengan amalam Islam tapi tidak disedari oleh mereka disebabkan oleh kurangnya pengetahuan agama dan terikut-ikut dengan amalan datuk nenek moyang yang mana mereka menyangka adat, budaya dan tradisi itu adalah daripada Islam.

**Kata kunci:**

Adat, Agama, Budaya, Kepercayaan, Tradisi

**Abstract:**

Malaysia is a country that has a diverse society with various races, ethnic groups, religions, languages, customs and cultures. Each ethnic group practices its own customs, cultures and traditions that are different from each other. They are also free to practice their respective religious beliefs but the official religion used in the Federation of Malaysia is Islam and this is written in the Malaysian constitution. Therefore, of course, the various customs, cultures and traditions that are practiced are largely based on the beliefs of their respective religions. Of the many customs, cultures and traditions that are practiced, some are in accordance with Islamic law, in other words, they do not conflict with Islamic law, and some are also in conflict with Islamic law but are still practiced by some people and consider them as part of the teachings of Islam. Starting from the ignorance of the community about these customs, cultures and traditions, it is necessary to clarify as clearly as possible which one of them does not conflict with Islamic law and can be practiced in life. Among the methodologies used to resolve this issue is the Study and Reading to study, read and examine which of the customs, cultures and traditions that are practiced do not conflict with Islamic law and can be practiced in life. The Comparative Methodology is used for the purpose of comparing the customs, cultures and traditions with the customs, cultures and traditions that are permitted in Islam based on Islamic evidence and also by comparing the opinions of the scholars of the four schools of thought (Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam Syafie and Imam Hanbali) regarding their agreement and disagreement or differences of opinion in a law so that the best resolution can be concluded and determined and the last methodology used is the Law Producing methodology with the aim of reaching a legal result whether the customs, cultures and traditions can be used that do not contain elements that are forbidden in Islam such as free mixing between men and women, exposing the aurat, associating partners with Allah, and does not give rise to polemics of bid'ah or superstition. At the end of the discussion, it can be concluded that there are many customs, cultures and traditions practiced in society that conflict with Islamic practices but are not realized by them due to a lack of religious knowledge and following the practices of their ancestors, which they think are from Islam.

**Keywords:**

Belief, Culture, Custom, Religion, Tradition

## Pengenalan

Adat, tradisi dan budaya mempunyai konsep yang begitu luas meliputi budi bahasa atau tata tertib, perlakuan yang wajar, sesuatu keadaan yang lazim, mengatur norma-norma sosial, politik, pemikiran dan mencorakkan perlembagaan bagi pemerintah. Menurut definisi Kamus Dewan (1998), adat ialah "Peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulukala) di dalam sesuatu masyarakat (sehingga ia menjadi hukum dan peraturan yang harus dipatuhi)". Manakala tradisi pula ialah "sesuatu yang sudah menjadi amalan yang sudah sebatian dengan sesuatu masyarakat (golongan, kumpulan, dan sebagainya)" (Kamus Dewan, 1998). Maknanya kedua-dua perkataan ini mempunyai maksud yang hampir sama dan berkait antara satu dengan yang lain. Justeru itu kita mengambil perkataan adat sahaja dari dua maksud perkataan ini untuk kita bahaskan di dalam artikel yang kerdil ini iaitu sama ada amalan-amalan adat di dalam masyarakat itu bercanggah dengan syarak atau tidak.

Masyarakat Malaysia yang dikenali sebagai masyarakat jawi iaitu masyarakat yang bercampur dari pelbagai latar belakang atau ras yang mendasari sistem sosial Malaysia, sudah pastinya mempunyai amalan-amalan adat yang berbeza. Rencah rencam adat yang diamalkan itu menimbulkan polemik didalam agama Islam sama ada pengamalan adat itu bercanggah dengan syariat atau tidak. Maka bertitik tolak dari sudut pandang agamalah kita akan melihat sama ada adat yang diamalkan oleh masyarakat itu boleh terus diamalkan atau perlu dihentikan amalannya. Kita lihat dulu apa yang dikatakan oleh Ibnu Mas'ud:

"مَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ، وَمَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ قَبِيحًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ قَبِيحٌ"

Maksudnya: "Apa yang dilihat oleh orang-orang Islam itu sebagai baik maka ia adalah baik disisi Allah SWT, dan apa yang dilihat oleh orang-orang Islam itu sebagai tidak baik maka ia adalah tidak baik juga disisi Allah SWT" (as-Syaibani, 2001).

Prinsip asasnya ialah adat itu mesti selari dengan syariat Islamiyah dan tidak bertentangan dengannya. Namun jika adat itu tidak sesuai dengan syariat Islamiyah maka ia mesti ditinggalkan dan dibuang dan undang-undang Syariah harus menggantikannya kerana agama Islam adalah agama yang agung, syumul dan lengkap yang memenuhi segala keperluan hidup dan menyelesaikan segala masalah. Begitu jugalah adat yang berlaku di dalam masyarakat kita. Sekiranya sesuatu adat yang dilakukan didalam masyarakat dan tidak dipungkiri oleh mereka kerana ia tidak bercanggah dengan syariat Islam maka adat itu boleh terus diamalkan dan sebaliknya sekiranya adat itu dipandang buruk oleh masyarakat dan tidak bertepatan dengan agama maka ia patut ditinggalkan. Kata-kata ini dikuatkan lagi oleh Ibnu Uqail:

"لَا يَنْبَغِي الْخُرُوجُ مِنْ عَادَاتِ النَّاسِ؛ مُرَاعَاةً لَهُمْ وَتَأْلِيفًا لِقُلُوبِهِمْ، إِلَّا فِي الْحَرَامِ إِذَا جَرَتْ عَادَتُهُمْ بِفِعْلِهِ، أَوْ عَدَمِ الْمُبَالَغَةِ بِهِ، فَتَجِبُ مُخَالَفَتُهُمْ، رِضَاً بِذَلِكَ أَوْ سَخَطًا"

Maksudnya: Tidak patut adat yang menjadi kebiasaan masyarakat ditinggalkan begitu sahaja dengan tujuan untuk memelihara hubungan dengan mereka dan untuk menjinakkan hati-hati mereka kecuali apabila mereka melakukan sesuatu yang haram atau mereka melakukan sesuatu itu tanpa mengendahkan ia haram atau halal maka pada waktu itu patutlah mereka dibantah dan terpulang kepada mereka samada boleh menerima atau tidak (as-Sayuti, 1994).

Justeru itulah, tulisan makalah yang kerdil ini cuba untuk memecahkan persoalan tentang adat-adat yang boleh diamalkan di dalam masyarakat dan yang tidak boleh diamalkan dengan menimbangkannya berdasarkan neraca-neraca al-Quran dan Hadis Nabi SAW agar masyarakat dapat mengetahui secara lebih mendalam bahawa adat yang mereka lakukan itu tidak

bercanggah dengan syariat Islamiyah dan ia boleh diamalkan di dalam kehidupan. Untuk mencapai matlamat ini maka antara perkara-perkara yang perlu dikupas dalam masalah ini akan mencangkupi aspek ekonomi, sosial, pendidikan, ibadah dan sebagainya, agar ia lebih jelas lagi dan masyarakat tidak terjatuh di dalam perkara-perkara bidah serta khurafat.

### Sorotan Literatur

Sabah mengamalkan sistem perundangan pelbagai – termasuk sistem Mahkamah Sivil, Syariah, dan Mahkamah Anak Negeri yang berperanan mentadbir hukum adat bagi komuniti peribumi (Marinsah et al., 2022). Hukum adat diiktiraf melalui *Native Courts Enactment 1992* dan menjadi teras kepada institusi kehakiman negeri ini (Salleh et al., 2024). Menurut Salleh (2021), Undang-Undang Anak Negeri (*Native Law*) merupakan salah satu sumber perundangan penting yang bersifat langsung dan tidak langsung dalam sistem undang-undang Sabah. Wong Adamal (2019) pula menekankan hak tanah adat sebagai sebahagian yang tidak terpisahkan daripada undang-undang tanah di Sabah. Mahkamah Anak Negeri berkuasa menjatuhkan hukuman seperti sogit (denda adat) dan menangani pelanggaran adat, pewarisan, tanah, perkahwinan dan penjagaan anak (Salleh et al., 2019). Sistem ini unik, berdiri seiring sistem kehakiman sivil dan Syariah untuk memelihara nilai dan adat asli Sabah (Salleh et al., 2019; Ismail et al., 2023).

Kajian berkaitan adat turut mendapat perhatian dalam kalangan sarjana dewasa ini. Kajian Hussin et al. (2022) mendapati undang-undang adat penting dalam mengekalkan toleransi dan keharmonian antara pelbagai etnik di Sabah – sogit dan sistem Mahkamah Anak Negeri berfungsi sebagai mekanisme penyelesaian konflik tempatan. Kajian Salleh et al. (2019) pula menunjukkan adat kematian masyarakat Bajau sebagai benteng kearifan tempatan, menggambarkan kemampuan syariat dan tradisi menyatu dalam konteks lokal (Marinsah et al., 2019).

Kajian Mokhtar et al. (2021) pula melihat pengaruh kepimpinan pengamal adat kaum Suluk dalam pengamalan ritual kematian di Sandakan, Sabah yang menjadi darah daging dalam landskap kehidupan mereka. Selain itu, kajian tersebut juga melihat pantang larang dan pengaruh kepimpinan pengamal adat suku kaum Suluk dalam masyarakat sewaktu berlakunya sesuatu kematian. Kajian lanjutan oleh Mokhtar et al. (2022) pula mengenal pasti adat dan ritual semasa kematian dan selepas kematian yang diamalkan oleh masyarakat Suluk di Sandakan. Kajian ini turut melihat pengamalan adat dan ritual tersebut dari kaca mata Islam sebagai satu panduan kepada masyarakat Suluk khususnya dan masyarakat lain secara amnya dalam pengamalan adat dan ritual yang seumpama dengannya.

Mahkamah Anak Negeri yang ditubuhkan sejak era British (1881) masih relevan, dengan hampir 75% kes adat dibawa ke mahkamah ini berbanding Mahkamah Sivil (Marinsah et al., 2022). Walaupun wujud dinamika pemodenan, adat seperti sogit kekal diamalkan, namun terdapat cabaran dalam standardisasi dan pengiktirafan adat secara rasmi. Undang-undang persekutuan (Perlembagaan Persekutuan Artikel 153) memberi jaminan hak istimewa kepada Anak Negeri Sabah dan Sarawak berkaitan adat, tanah, dan peluang – menyediakan asas perundangan bagi integrasi adat dan perundangan moden. Penggunaan adat sebagai sumber undang-undang di Sabah menunjukkan warisan perundangan yang unik dan kompleks. Melalui Mahkamah Anak Negeri dan hukuman adat seperti sogit, nilai dan keharmonian tradisi dikekalkan meskipun wujud cabaran pemodenan. Dokumentasi adat lisan seperti *rinait*, serta pengiktirafan perlembagaan, memperkukuh penggunaan adat dalam konteks kehakiman

moden. Namun, usaha harmonisasi serta kesedaran perlu diperkasa untuk memastikan kelestarian masa depan sistem ini. Berdasarkan kepada sorotan kajian lalu, belum ada kajian yang mendalam berkaitan dengan penggunaan adat sebagai hukum di Sabah dan ia sangat relevan untuk dikaji.

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk kajian perpustakaan (*library research*), iaitu penyelidikan yang dijalankan berdasarkan sumber sekunder yang sahih dan terpilih. Kaedah ini sesuai untuk mengkaji isu-isu berkaitan norma adat, kerangka perundangan dan sistem Mahkamah Anak Negeri di Sabah kerana ia melibatkan penilaian mendalam terhadap teks, dokumen perundangan, serta analisis naratif yang memerlukan pemahaman konteks budaya dan sejarah (Bowen, 2009; Creswell & Poth, 2018). Kajian ini menggunakan bahan sekunder sepenuhnya yang terdiri daripada buku ilmiah, artikel jurnal akademik, tesis dan disertasi, laporan penyelidikan, dokumen rasmi kerajaan seperti *Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992*, Perlembagaan Persekutuan, akta-akta berkaitan, serta panduan dan dokumen adat tempatan. Sumber diperoleh melalui pangkalan data akademik seperti Google Scholar, JSTOR, MyJurnal, dan repositori digital institusi pengajian tinggi tempatan (IPTA).

Proses pengumpulan data dilakukan melalui tiga peringkat utama:


1. Pengenalpastian dokumen utama berkaitan adat sebagai sumber hukum (seperti teks adat dan enakmen).
2. Pencarian dan penapisan sumber melalui katalog perpustakaan fizikal dan digital, serta repositori IPTA.
3. Analisis kandungan teks terhadap bahan bertulis berkaitan konsep, takrifan adat, struktur institusi Mahkamah Anak Negeri, dan interaksi antara sistem adat dengan sistem sivil dan Syariah di Sabah.

Kaedah analisis yang digunakan adalah analisis kandungan kualitatif (*qualitative content analysis*), dengan pendekatan tematik. Analisis ini melibatkan pembacaan mendalam, pengkodan data, pengecaman tema-tema utama berkaitan bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri, jenis kes yang dibicarakan, peranan pemimpin adat serta transformasi fungsi adat dalam kerangka sosial dan perundangan moden (Mayring, 2014; Schreier, 2012). Kajian ini juga mengaplikasikan elemen pemerhatian tidak langsung terhadap wacana sosial-adat yang terkandung dalam teks serta turut serta secara dokumentari (*documentary participation*) dalam makna – iaitu menyertai secara intelektual dalam pemahaman konteks adat melalui interpretasi teks dan naratif, sebagaimana disarankan oleh Hodder (2000).

Bagi memastikan integriti dan kebolehpercayaan kajian, hanya sumber akademik yang diterbitkan oleh institusi diiktiraf digunakan. Data dianalisis secara objektif dan sistematik dengan penggunaan rujukan silang (*cross-referencing*) untuk menyemak ketepatan fakta antara pelbagai sumber. Walaupun kajian ini tidak melibatkan responden manusia secara langsung, ia tetap mematuhi prinsip etika akademik seperti mengelakkan plagiat, menyatakan sumber secara tepat, serta menghormati hak cipta dan pemilikan intelektual.

### Hasil Dapatan dan Perbincangan

Hasil dapatan kajian ini telah diklasifikasikan kepada beberapa pecahan seperti rajah 1 berikut.



**Rajah 1: Perbincangan Hasil Dapatan Kajian**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

### **Makna Adat Dari Segi Bahasa Dan Istilah**

Adat dari segi bahasa diambil dari perkataan "*Al-Muaa'wadah*" iaitulah pengulangan Maksudnya "Segala sesuatu yang dilakukan oleh seseorang berulang kali sehingga dia melakukannya tanpa perlu berfikir; tindakan yang diulang pada kekerapan yang sama" (Ahmad Ayyad et al. (1988). Dalam kamus al-Mu'jam al-Wasit adat itu ialah "Semua yang biasa dilakukan oleh seseorang tanpa memerlukan kepada usaha" (Anis et al. (1972). Adapun Adat dari segi istilah syarak ialah "Apa yang dilakukan oleh manusia secara berterusan mengikut hukum akal, dan mereka sentiasa melakukannya dari semasa ke semasa tanpa perlu bersusah payah" (Mustafa Sanu, 2006). Mengikut Kamus Fekah adat itu ialah "Sesuatu yang biasa dilakukan sehinggakan apabila melakukannya tanpa perlu bersusah payah" dan Imam Syafie pula mentafsirkan adat itu sebagai "Sesuatu yang sudah terbiasa daripada perbuatan atau apa yang menyerupainya"(Abu Habib, 1988).

Perkataan "adat" adalah pinjaman daripada bahasa Arab yang memberi makna kebiasaan. Perkataan ini mempunyai maksud yang begitu luas yang merangkumi perbuatan atau tingkah laku dan cara berfikirnya manusia yang telah wujud dan diamalkan sejak sekian lama sehingga menjadi satu tradisi. Adat juga merangkumi nilai-nilai kebudayaan, norma, tatasusila, kelembagaan dan hukum adat yang lazim dan biasa diamalkan oleh nenek moyang kita bagi menyempurnakan atau melaksanakannya sebagai satu peraturan. Peraturan ini kemudiannya menjadi satu amalan dan meresap ke dalam diri manusia menjadikannya satu kebiasaan atau satu kemestian yang perlu diikuti secara turun-temurun bagi mengekalkan identiti sesuatu kaum.

### **Pembahagian Adat**

Sebelum kita membicarakan tentang pembahagian adat, perlu diketahui bahawa adat itu ada dua sifatnya iaitu adat umum dan adat khusus. Adat Umum ialah adat yang diamalkan secara konsisten dan berleluasa diguna pakai di kebanyakan negara, manakala adat khusus pula lebih tertumpu amalannya kepada negara-negara tertentu sahaja dan tidak berleluasa pengamalannya di negara-negara lain (az-Zarqa, 1989). Justeru itu, adat samada umum atau khusus, selagi mana adat itu tidak bercanggah dengan hukum syarak yang mempunyai dalil-dalil yang jelas daripada Al-Quran dan Hadis Nabi saw ataupun ada dalil yang menyebutkan tentang sesuatu

hukum itu akan tetapi dalil itu bersifat umum maka adat tetap akan dipertimbangkan untuk menetapkan sesuatu hukum itu di dalam Islam.

Bertitik tolak dari adat yang bersifat umum ataupun khusus maka dapat disimpulkan bahawa adat itu terbahagi kepada dua: Pertama; Adat yang bertepatan dengan syarak, tidak membatalkan yang wajib, tidak menghalalkan yang haram dan tidak mengharamkan yang halal. Kedua; Adat yang bercanggah dengan syarak, membatalkan yang wajib, mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram (Abdul al-Wahid, 1998). Adapun adat yang mengikut syarak adalah seperti adat masyarakat dalam berpakaian. Maklum kepada kita bahawa setiap kaum mempunyai pakaian adat dan tradisi masing-masing. Maka Islam sebagai agama toleransi dan terbuka sikapnya membenarkan apa saja pakaian yang dipakai oleh sesuatu masyarakat atau kaum itu asalkan pakaian itu menutup aurat. Perlu diketahui bahawa Islam merupakan agama yang tidak menetapkan pakaian tertentu yang mesti dipakai oleh penganutnya, tapi yang penting ialah pakaian tersebut tidak menjolok mata dan menutup aurat baik yang dipakai oleh lelaki mahupun perempuan.

Berdasarkan kepada situasi ini, sekiranya sesuatu masyarakat biasa mengenakan pakaian tertentu dan pakaian itu pula tidak bercanggah dengan syarak maka anggota masyarakat disitu janganlah menyalahi cara berpakaian yang terdapat didalam masyarakat itu dengan tujuan untuk menjaga hati dan perasaan mereka dan agar ia tidak menimbulkan sebarang spekulasi dalam masyarakat. Di dalam satu Hadis Nabi saw bersabda:

" مَنْ لَبَسَ ثَوْبَ شُهْرَةٍ، أَلْبَسَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثَوْبَ مَدَلَّةٍ "

Maksudnya: Barangsiapa yang memakai pakaian kemasyuran (pakaian yang bertentangan dengan apa yang dipakai oleh masyarakat), maka Allah akan memakaikannya pada hari kiamat dengan pakaian kehinaan (Ibnu Majah, 1952).

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi saw tidak menyukai seseorang memakai pakaian menyalahi apa yang dipakai oleh masyarakat kaumnya. Begitu juga kata-kata as-Safaarini al-Hanbali di dalam kitab Syarah Manzhumatil Adab (شرح منظومة الآداب):

يُكْرَهُ مُحَالَفَةُ أَهْلِ بَلَدِهِ فِي اللَّبَاسِ، وَيَنْبَغِي أَنْ يَلْبَسَ : قال السفاريني الحنبلي في شرح منظومة الآداب  
مَلَابِسَ بَلَدِهِ؛ لِئَلَّا يُشَارَ إِلَيْهِ بِالْأَصَابِعِ، وَيَكُونَ ذَلِكَ حَامِلًا لَهُمْ عَلَى غَيْبَتِهِ، فَيُشَارِكُهُمْ فِي إِثْمِ الْعَيْبَةِ لَهُ

Maksudnya: Di benci seseorang itu menyalahi cara berpakaian masyarakat setempatnya, dan sepatutnyalah dia mengikut apa yang dipakai oleh mereka, jangan sampai mereka menuding jari kepadanya yang menyebabkan dia menjadi umpatan bagi mereka lalu dia menanggung bersama mereka mengenai dosa mengumpat ke atasnya" (al-Hanbali, 1993)

Larangan menyalahi adat kebiasaan masyarakat setempat itu dibuktikan lagi dengan perbuatan Nabi saw apabila beliau mengikuti asas yang diletakkan oleh Nabi Ibrahim dalam membina semula Kaabah dan tidak menyalahi asas pembinaan semula Kaabah itu dengan mengambil kira keadaan masyarakat dan dan supaya tidak menimbulkan di antara mereka apa yang mereka tidak persetujui. Di dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh sayyidah Aishah, Nabi saw bersabda:

"وَلَوْلَا أَنَّ قَوْمَكَ حَدِيثٌ عَنْهُمْ فِي الْجَاهِلِيَّةِ، فَأَخَافُ أَنْ تُنْكِرَ قُلُوبُهُمْ، لَنَظَرْتُ أَنْ أُدْخِلَ الْجَدْرَ فِي الْبَيْتِ، وَأَنْ أُلْزِقَ بَابَهُ بِالْأَرْضِ

Maksudnya: Kalaulah bukan disebabkan kaum engkau (sabda Nabi saw ditujukan kepada sayyidah Aishah) baru saja melalui zaman Jahiliyah, dan aku takut hati mereka akan mengingkari perbuatan aku, maka sudah tentu aku akan memutuskan untuk membuat semula dinding kaabah itu dan menyematkan pintunya ke tanah (an-Naisaburi, 1955).

Begitu juga Imam Ahmad ibnu Hanbal yang meninggalkan sunat sebelum maghrib selepas azan kerana masyarakat tidak ada pengetahuan mengenai hal tersebut dan boleh jadi mereka akan menentanginya sekiranya diamalkan. Kedua-dua perkara itu iaitu perbuatan Nabi saw dan perlakuan Imam Ahmad ibnu Hanbal telah dinukilkan oleh Ibnu Muflih al-Hanbali di dalam kitab Furu'. Dia berkata: Ibnu Uqail telah berkata:

"لَا يَنْبَغِي الْخُرُوجُ عَنْ عَادَاتِ النَّاسِ؛ لِتَرْكِهِ عَلَيْهِ السَّلَامُ بِنَاءَ الْكَعْبَةِ، وَتَرْكِ أَحْمَدَ الرَّكَعَتَيْنِ قَبْلَ الْمَغْرِبِ،  
وقال: رَأَيْتُ النَّاسَ لَا يَعْرِفُونَهُ

Maksudnya: Tidak patut seseorang itu keluar dari adat kebiasaan masyarakatnya seperti mana (contoh yang diberikan oleh) Nabi saw apabila meninggalkan apa yang ingin dilakukannya kepada kaabah ketika memperbaiki semula Kaabah dan sepertimana Imam Ahmad meninggalkan solat sunat sebelum maghrib kerana ia mengetahui bahawa masyarakat ketika itu tidak mempunyai ilmu mengenai perkara tersebut (al-Maqdisi, 2003).

Manakala adat yang bercanggah dengan syarak pula ialah adat yang tidak boleh diguna pakai kerana ia bertentangan dengan syariat. Telah ditetapkan dari sudut syarak bahawa adat yang bertentangan dengan dalil-dalil syarak seperti adat yang menghalalkan yang haram dan meniadakan kewajipan-kewajipan yang telah ditetapkan dalam syarak atau mengiktiraf perkara-perkara bid'ah di dalam agama atau menyebabkan kerosakan dan kemudharatan di dalam kehidupan manusia, ia tidak boleh diguna pakai sebagai hukum syarak dan tidak boleh dipertimbangkan di dalam memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang, sesuatu fatwa atau sesuatu keputusan kehakiman.

Contohnya seperti pengetahuan kebanyakan orang tentang perkara-perkara munkar yang berlaku semasa hari kelahiran ataupun hari pengebumian, muamalah perniagaan mereka yang melibatkan perkara-perkara riba dan perjudian dan di dalam kebanyakan masyarakat dan negara para wanita mereka keluar dari rumah dengan memakai pakaian-pakaian yang berhias dan menjolok mata dan cuma sedikit sahaja perempuan-perempuan mereka yang menutup aurat, maka perkara semacam ini tidak patut dicontohi dan diikuti di dalam menetapkan sesuatu hukum, sebaliknya apa yang perlu dilakukan oleh para wanita ialah mereka mestilah tetap istiqamah menutup aurat mereka walaupun telah menjadi kebiasaan di dalam masyarakat itu perempuan-perempuannya membuka aurat. Firman Allah swt dalam surah Fussilat (41: 30).

﴿إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ تُوعَدُونَ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh Syurga yang telah dijanjikan kepada kamu (Surah Fussilat, 41: 30).

## Dalil Al-Quran Dan Hadis Berkaitan Pengamalan Adat

### *Pertama : Dalil daripada al-Quran al-Karim*

1- قول الله تعالى: ﴿حُذِرُوا الْغَيْبَ وَأَمْرٌ بِالْغَيْبِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ﴾

Maksudnya: Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya) (Surah al-'Araf, 7:199).

Sebahagian ulama telah menggunakan ayat ini sebagai dalil untuk menyatakan bahawa adat itu diguna pakai sebagai hukum, dan mereka mentafsirkan bahawa makna adat yang diguna pakai disini ialah dari segi istilahnya. Antara ulama terkenal yang menggunakan ayat ini sebagai dalil adat adalah Imam Al-Qara'fi ra. Dia berkata di dalam perbicaraannya tentang perselisihan pasangan suami isteri mengenai barang-barang rumah: "Segala sesuatu yang disaksikan oleh adat dinilai mengikut makna yang jelas dari ayat ini" (al-Qara'fi, 1998). Berdasarkan kepada ayat ini juga, adat yang dimaksudkan disini ialah sesuatu perkara yang diketahui iaitu amal soleh, ini seperti mana yang dinyatakan oleh kebanyakan ulama.

2- قوله سبحانه وتعالى: ﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِيَسْتَأْذِنَكُمْ الَّذِينَ مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ يَبْلُغُوا

الْحُلُمَ مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ مِنْ قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُمْ مِنَ الظَّهِيرَةِ وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ

الْعِشَاءِ، ثَلَاثُ عَوَرَاتٍ لَكُمْ....﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu), dalam tiga masa; (iaitu) sebelum sembahyang subuh, dan ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari, dan sesudah sembahyang isyaa'; itulah tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah aurat kamu padanya) (Surah al-Nur, 24:58).

Al-'Ala'ie menyatakan ketika menjelaskan ayat ini bahawa : Allah swt memerintahkan agar mereka-mereka yang disebutkan di dalam ayat ini meminta izin untuk masuk ke bilik tuan mereka atau ibubapa mereka pada masa-masa yang tertentu sebab ketika itu kebiasaannya mereka menukar pakaian dan membuka pakaian, maka hukum syarak dibina di atas apa yang menjadi adat kebiasaan yang mereka lakukannya (as-Syafie, 1994).

3- قول الله تعالى: ﴿وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ﴾

Maksudnya: ...dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya (Surah al-Baqarah, 2:233).

Al-Jassas ra berkata ketika memetik ayat ini: "Sekiranya seorang wanita berlebih-lebihan dan meminta nafkah lebih dari kebiasaan yang diterima oleh wanita-wanita sepertinya dizamannya, maka suaminya berhak untuk tidak menunaikan permintaannya tersebut, dan begitu juga sekiranya suaminya memberikannya nafkah kurang daripada apa yang didapat oleh wanita-wanita lain sepertinya mengikut adat, maka ini tidak dibolehkan dan suaminya akan dipaksa untuk memberikan nafkah yang serupa kepadanya mengikut adat" (al-Hanafi, 1985) dan "Apa saja perkataan baik yang diulang-ulang di dalam al-Quran maka yang dimaksudkan dengannya ialah sesuatu yang telah menjadi kebiasaan masyarakat" (al-Hanbali, 2000).

4- قوله تعالى في كفارة اليمين: ﴿فَكَفَّارَتُهُ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ﴾

Maksudnya: Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka (Surah al-Maidah, 5:89).

Ibnu al-Arabi ra mengatakan: Isu keempat ialah mengenai anggaran perbelanjaan; Sesungguhnya kami telah menerangkan bahawa tidak ada anggaran yang ditentukan dari sudut syarak, akan tetapi Allah swt telah menyuruh agar perkara ini dirujuk kepada adat, dan adat adalah panduan asas hukum yang Allah swt benarkan hukum dibina diatasnya sebagaimana ia yakni adat digunakan untuk menentukan halal dan haram, maka begitulah juga apabila Allah swt telah mengaitkan adat itu dengan Kaffarah (al-Maliki, 2003) Allah swt berfirman:

﴿فَإِطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًا﴾

Maksudnya: Maka hendaklah ia memberi makan enam puluh orang miskin (Surah al-Mujaadalah, 58:4).

#### **Kedua : Dalil daripada Hadis-hadis Nabi SAW**

(مَا رَأَى الْمُسْلِمُونَ حَسَنًا فَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ حَسَنٌ) (صلى الله عليه وسلم أنه قال: 1- ما روي عن النبي

Maksudnya: Apa sahaja yang dianggap baik oleh orang Islam maka ia adalah baik disisi Allah SWT (as-Syaibani, 2001).

Hadis ini memberikan ketetapan untuk beramal dengan apa yang dilihat oleh orang-orang Islam sebagai baik, dan adat yang ditetapkan baik itu termasuk di dalam maksud ungkapan hadis ini. Al-Kamal Ibnu al-Hammam RA mengatakan: "Adat itu akan menjadi dalil berdasarkan kepada nas" (Abu al-'Ainain, 1969) ini berdasarkan kepada sabda Nabi SAW: "Apa sahaja yang dianggap baik oleh orang Islam maka ia adalah baik disisi Allah SWT".

2- عن عائشة رضي الله عنها أن رسول الله - صلى الله عليه وسلم - قال: (مَنْ عَمِلَ عَمَلًا

لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ)

Maksudnya: Sesiapa yang melakukan suatu amalan yang bukan merupakan suruhan di dalam agama kami, maka amalannya itu tidak diterima (ditolak) (an- Naisaburi, 1955).

Al-'Ala'ie berkata tentang hadis ini: "Ia adalah dalil untuk mempertimbangkan apa yang menjadi pegangan umat Islam, sama ada dari sudut perintah syarak atau dari sudut adat yang telah ditetapkan; ini berdasarkan kepada Sabda Nabi saw: " yang bukan merupakan suruhan di dalam agama kami" yang berbentuk umum dan adat termasuk di dalamnya (al-Hanbali, 2000).

3- عَنْ الزُّهْرِيِّ، عَنْ حَرَامِ بْنِ مُحْيِصَةَ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّ نَافِقَةَ لِلْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ دَخَلَتْ حَائِطَ رَجُلٍ فَأَفْسَدَتْهُ

عَلَيْهِمْ، (فَقَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَهْلِ الْأَمْوَالِ حِفْظَهَا بِالنَّهَارِ، وَعَلَى أَهْلِ الْمَوَاشِي

حِفْظَهَا بِاللَّيْلِ)

Maksudnya: Dari Muha'yishah ra bahawa sahnya seekor unta milik Al-Baraa ibnu 'Azib memasuki kebun seorang lelaki dan merosakkan apa yang ada padanya, maka Rasulullah saw menghukum agar orang yang mempunyai harta (seperti pekebun) menjaga hartanya pada

waktu siang dan orang yang mempunyai binatang ternakan pula menjaga ternakannya pada waktu malam (as-Sijistani, 1935).

Al-'Ala'ie berkata tentang hadis ini: "Ia adalah dalil yang paling jelas tentang mempertimbangkan adat dalam ketetapan hukum dan mengeluarkan hukum itu berdasarkan kepada adat, kerana kebiasaannya para penternak binatang melepaskan ternakan mereka pada waktu siang untuk merumput dan mengurung ternakan mereka pada waktu malam, dan menjadi kebiasaan pula kepada para pekebun dan peladang untuk mengumpulkan harta mereka (bekerja dikebun atau ladang) pada waktu siang dan bukannya malam, maka justeru itu Nabi saw mengenakan jaminan berdasarkan apa yang berlaku mengikut adat (as-Syafie, 1994).

Maksudnya disini ialah pada siang hari, wajib bagi para pekebun dan para peladang menjaga tanaman mereka yang juga dikira harta bagi mereka dari binatang-binatang samada binatang itu dternak ataupun yang liar kerana kebiasaannya pada waktu siang para penternak binatang akan melepaskan binatang ternakan mereka untuk merumput dan mencari makanan. Maka sekiranya binatang ternakan tadi merosakkan tanaman-tanaman, penternak tadi tidak perlu membayar apa-apa pampasan atau ganti rugi terhadap tanaman tersebut kerana sepatutnyalah para pekebun dan peladang menjaga tanaman mereka pada waktu tersebut, tapi sebaliknya sekiranya binatang ternak tadi merosakkan tanaman-tanaman pada waktu malam maka penternak binatang tadi perlu membayar ganti rugi di atas kerosakan tanaman tersebut kerana sepatutnya dia mengurung ternakan itu pada waktu malam. Begitupun sekiranya binatang itu adalah binatang liar dan dia merosakkan tanaman-tanaman pada waktu malam, maka para pekebun atau peladang tidak boleh menuntut sebarang ganti rugi. Hukuman sebegini yang disebutkan di dalam hadis ini adalah berdasarkan kepada hukum adat dan bukannya hukum syarak.

4- عن عائشة رضي الله عنها أن هند بنت عتبة قالت: يا رسول الله، إن أبا سفيان رجل شحيح وليس يعطيني ما يكفيني وولدي إلا ما أخذت منه وهو لا يعلم، فقال: (خُذِي مَا يَكْفِيكِ وَوَلَدَكَ بِالْمَعْرُوفِ)

Maksudnya: Hindun telah berkata kepada Nabi saw: Wahai Rasulullah, sesungguhnya Abu Sufyan seorang lelaki yang kedekut, dia tidak memberikan nafkah yang mencukupi kepada saya dan anak saya kecuali apa yang saya ambil dari hartanya tanpa pengetahuannya, lalu Nabi saw bersabda: "Ambillah apa yang mencukupi untuk engkau dan anak engkau dengan cara yang betul" (Sahih Bukhari, No. Hadis 5364).

Ibnu Battal berkata: "Sesuatunya menunjukkan bahawa adat itu adalah sunnah yang berterusan adalah ucapan Baginda saw kepada Hindun: 'Ambillah apa yang mencukupi untuk engkau dan anak engkau dengan cara yang betul', disini Nabi saw menyuruh Hindun untuk mengambil dari harta suaminya dari kadar yang mencukupi untuk perbelanjaan dirinya dan anaknya sepertimana Allah swt mengizinkan penjaga anak yatim untuk makan dari harta anak yatim itu dengan cara yang sepatutnya" (Abdul Malik, 2003).

Dan Al-'Aini mengatakan mengenai hadis ini: "Hadis ini menunjukkan bahawa adat adalah satu amalan yang berterusan"(al-'Aini, 2013). Maksudnya disini, Nabi saw telah membenarkan Hindun untuk mengambil daripada harta suaminya Abu Sufyan sekadar yang mencukupi untuk perbelanjaan dirinya dan anaknya kerana Abu Sufyan tidak memberikan nafkah yang mencukupi untuk isterinya dan anaknya. Kebenaran dari Rasulullah untuk isteri mengambil harta suami itu dengan kadar yang sepatutnya menunjukkan bahawa Rasulullah saw membina

hukum pengambilan harta itu di atas adat sebab Rasulullah tidak menyatakan kadar yang tertentu untuk Hindun mengambil harta suaminya, cuma yang dinyatakan oleh Rasulullah saw itu adalah kadar yang mencukupi untuk perbelanjaan diri Hindun dan anaknya dan sudah tentulah kadar itu adalah berdasarkan kepada keadaan semasa dan setempat pada waktu itu.

5- عن ابن عمر قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "المكيال مكيال أهل المدينة، والوزن وزن أهل مكة."

Maksudnya: "Sukatan adalah bagi penduduk Madinah dan Timbangan pula adalah bagi penduduk Mekah" (an-Nasaie, 1986).

Yang demikian itu disebabkan penduduk Madinah menanam pohon-pohon kurma dan tanam-tanaman, maka mengikut adat mereka menggunakan sukatan dalam urusan perniagaan mereka, manakala penduduk Mekah pula adalah para pedagang maka mengikut adat mereka menggunakan timbangan, dan apa yang dimaksudkan disini ialah sesuatu hukum itu tertentu mengikut syarak seperti tempoh haul zakat, kadar yang patut dibayar sekiranya berlaku pertumpahan darah, kadar zakat Fitrah, kadar ketentuan dalam Kaffarah dan lain-lain lagi (as-Syafie, 2004).

Difahami daripada teks diatas bahawa penggunaan alat untuk kadar tertentu di dalam urusan jual beli samada menggunakan sukatan atau timbangan adalah berdasarkan kepada keadaan satu-satu tempat yang telah menjadi kebiasaan kepada masyarakatnya seperti penduduk Madinah biasa menggunakan sukatan di dalam urusan jual beli mereka maka begitu juga penduduk Mekah yang terbiasa menggunakan timbangan dalam urusan jual beli. Manakala kadar-kadar tertentu bagi sesuatu yang telah diwajibkan di dalam syarak pembayaran atau pengeluarannya seperti kadar atau jumlah wang yang patut dibayar sekiranya berlaku pertumpahan darah (diyat) atau kadar zakat fitrah adalah juga tertentu kepada keadaan masyarakat setempat sebagaimana yang berlaku di negeri-negeri di Malaysia bahawa kadar zakat fitrah bagi setiap negeri adalah berbeza. Dalil-dalil daripada ayat-ayat suci al-Quran dan Hadis-hadis Nabi saw ini membuktikan kepada kita bagaimana adat itu digunakan dalam menetapkan sesuatu hukum.

### **Syarat-Syarat Beramal Dengan Adat**

Agar adat itu dapat dijadikan hukum dan dapat pula untuk dibahaskan maka tidak dapat tidak adat itu tertakluk kepada syarat-syarat dan ikatan-ikatan yang tertentu yang mesti ada padanya, kerana jika adat itu menyalahi kaedah-kaedah yang telah ditetapkan maka adat itu tidak boleh dijadikan sandaran hukum, antara kaedah tersebut ialah:

1- Hendaklah adat itu adat yang sentiasa diamalkan dalam masyarakat dan penggunaan atau pengamalannya pula berleluasa.

Adat itu diguna pakai selagi mana penggunaannya tidak bercanggah dengan adat yang lain, sekiranya ada percanggahan maka adat itu boleh dipertikaikan dan tidak boleh ditetapkan sebagai hukum. Imam Sayuti mengatakan:

"إنما تعتبر العادة إذا اطردت فإن اضطربت فلا"

Maksudnya: Adat itu boleh diguna pakai sebagai hukum selagi mana tidak ada percanggahan mengenainya tapi sekiranya ada pertikaian padanya maka adat itu tidak boleh digunakan untuk menjatuhkan hukum (as-Sayuti, 1990).

Dalam keadaan seperti ini, sekiranya antara satu adat dengan adat yang lain ada percanggahan tapi ia jarang berlaku, maka ia tidak akan memberi kesan terhadap pengambilan adat tersebut sebagai hukum, Imam Syatibi mengatakan:

"وإذا كانت العوائد معتبرة شرعا فلا يقدح في اعتبارها انخراقها ما بقيت عادة على الجملة"

Maksudnya: Sekiranya suatu adat itu telah dijadikan rujukan dalam hukum, maka perlanggarannya dengan adat yang lain tidak akan membatalkan penggunaannya selama mana ia merupakan kebiasaan yang digunakan secara umum (al-Gharnathi, 2009). Ibnu Najm pula menyebutkan:

"إنما تعتبر العادة إذا اطردت أو غلبت"

Maksudnya: Sesuatu adat itu tetap dijadikan sandaran hukum selagi mana penggunaannya berterusan dan berkekalan dalam masyarakat (Ibnu Najm, 1999).

Sebagai contohnya; sekiranya seorang peniaga itu menjual sesuatu dipasaran dengan harga tertentu dan peniaga itu tidak memberitahu tarikh pembayaran yang sepatutnya dibuat atau dia tidak mengistiharkan tarikh penangguhan pembayaran barang tersebut sedangkan menjadi kebiasaan kepada mereka bahawa peniaga itu akan mengambil wang penjualan itu pada setiap kali jumaat maka perkara ini akan kembali kepada adat kebiasaan yang berlaku dikalangan mereka (Ibnu Najm, 1999).

Maksudnya di sini ialah telah menjadi kebiasaan di dalam masyarakat Arab bahawa seorang pemborong itu akan menjual barang-barang dagangannya kepada para penjual di pasar dan kebiasaannya dia akan mengutip hasil borongannya itu pada hari Jumaat. Maka sekiranya dia menjual barang-barang borongannya kepada para penjual di pasar tanpa menetapkan hari untuk dia mengambil hasil borongan tersebut, dia tidak boleh mendapatkan hasil borongan tersebut sebelum hari Jumaat sebab itu adat yang telah menjadi kebiasaan berlaku dikalangan mereka iaitu membayar barang-barang borongan itu pada hari Jumaat.

## 2- Adat tidak bercanggah dengan dalil syarak.

Sesungguhnya pernyataan ini telah diterangkan oleh kaedah "Sesungguhnya Adat akan dijadikan sandaran hukum sekiranya tidak bercanggah dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan Hadis Nabi saw", justeru itu sekiranya berlaku percanggahan antara adat dan dalil syarak, adat tidak boleh diguna pakai sebagai sumber hukum seperti mana keadaannya jika orang ramai terbiasa membuat akad jual beli yang melibatkan riba atau melakukan perkara-perkara yang haram di dalam keramaian-keramaian tertentu mereka, maka kebiasaan ini tidak boleh dipertimbangkan untuk diambil sebagai sandaran hukum sebab berlakunya pelanggaran terhadap dalil syarak yang mengaharamkan riba dan melarang berlakunya perkara-perkara haram dalam sesuatu keramaian (Ahlu Nayan, 2013).

## 3- Adat itu mestilah adat yang diikuti dan menjadi pegangan dan bukan adat masa lalu yang diubah dan bukan juga adat yang baharu.

Sesungguhnya syarat ini telah dinyatakan dalam kaedah "Adat itu akan diambil kira sekiranya ia merupakan adat yang menjadi pegangan dan bukan adat yang baru" untuk membolehkan adat itu dijadikan sandaran hukum, maka sekiranya dua orang mengadakan akad dan akad itu dirujuk kepada adat seperti adanya kritikan terhadap adat itu kerana telah ada adat sebelumnya dalam perkara itu tetapi sudah berubah, atau adat itu dibuat selepas berlakunya akad, maka kedua-dua adat itu tidak diterima, ini kerana adat yang boleh dijadikan sandaran hukum hanyalah adat yang selari dengan pegangan dan amalan terdahulu ketika melakukan akad.

Mengenai perkara ini Imam al-Qorafi mengatakan: "Sekiranya berlaku akad di dalam urusan jual beli maka harga adalah berdasarkan kepada adat semasa dalam matawang, apa-apa pulangan yang berlaku dari matawang selepas akad tidak akan diambil kira di dalam urusan jual beli yang telah berlaku ini, demikian juga dengan janji sumpah, pengakuan dan wasiat apabila keterangan ke atas perkara-perkara itu terlewat maka ia tidak akan diambil kira, bahkan yang diambil kira ialah keterangan-keterangan yang berlaku pada waktu itu" (Qorafi, 1973), namun perlu diingatkan bahawa ikatan ini mempunyai skop yang khusus seperti mana yang dinyatakan oleh az-Zarkashi : "Sesungguhnya adat mengikat lafaz yang umum apabila berkaitan dengan suruhan pada masa sekarang tanpa perlunya pemberitahuan terlebih dahulu yang Maksudnya adat yang terdahulu tidak akan mengekangnya" (az-Zarkashi, 1985), Apa yang dimaksudkan dengan "pemberitahuan terlebih dahulu" ialah komentar, pengakuan dan dakwaan-dakwaan (as-Sayuti, 1983), ini samalah seperti sekiranya dia mengakui dengan hutangnya yang telah lalu, maka sesungguhnya ketetapan hukum adalah berlaku ke atas adat yang sedang diamalkan ketika hutang itu berlaku tanpa mengikut adat semasa pengakuan.

4- Adat itu tidak bertentangan dengan pernyataan yang bercanggah dengannya.

Syarat ini diterangkan oleh as-Sarkhasi di beberapa muka surat di dalam bukunya, antara kata-katanya: "Adat hanya akan dijadikan sandaran hukum sekiranya tidak ada pernyataan yang bertentangan dengannya" (as-Sarkhasi, 1993). Dia memberikan perumpamaan mengenai perkara ini dalam situasi ketika mana makanan sedang dihidangkan kepada seseorang, maka sesungguhnya seseorang itu biasanya dibenarkan untuk menjamah makanan mengikut adat yang berlaku, tapi sekiranya dikatakan kepadanya: Jangan makan, itu Maksudnya dia tidak dibenarkan makan (as-Sarkhasi, 1993).

Dari syarat di atas difahami bahawa adat yang ingin dijadikan sandaran hukum itu mestilah tidak berlawanan dengan suatu pernyataan yang menyalahi kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat. Saya mendatangkan contoh mengenai adat kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat kita iaitu mencium tangan. Telah menjadi kebiasaan kepada masyarakat kita untuk mencium tangan ibu dan ayah kandung kita atau tangan ibu dan ayah kepada isteri kita iaitu mertua kita. Katakanlah ketika balik ke kampung isteri, suami ingin mencium tangan ibu mertuanya tapi dikatakan kepadanya: Jangan cium. Pernyataan larangan "Jangan cium" ini bercanggah dengan adat yang berlaku dalam masyarakat kita. Maknanya disini adat mencium tangan itu tidak dapat dijadikan sandaran hukum disebabkan adanya pernyataan yang melarang perbuatan tersebut.

Perlu diingat bahawa hukum mencium tangan kedua ibu bapa atau ibu bapa mertua sebagai tanda menghormati dan memuliakan mereka adalah harus. Ini berdasarkan kepada apa yang dilakukan oleh sahabat-sahabat Nabi saw iaitu Abu Lubabah dan Ka'ab Ibnu Malik apabila mereka mencium tangan Nabi saw selepas taubat mereka diterima kerana mereka tidak ikut berperang dalam peperangan Tabuk.

"أن أبا لبابة وكعب بن مالك وصاحبيه رضي الله عنهم قَبَلُوا يد النبي صلى الله عليه وآله وسلم حين تاب الله عليهم"

Maksudnya: Sesungguhnya Abu Lubabah, Ka'ab Ibnu Malik dan dua orang sahabat mereka telah mencium tangan Nabi saw ketika Allah swt menerima taubat mereka (as-Syafie, t.th.).

Imam Nawawi mengatakan:

وأما تقبيل اليد فإن كان لزهّد صاحب اليد وصلاحه أو علمه أو شرفه وصيانه ونحوه من الأمور "الدينية فمستحب، وإن كان لدنياه وثروته وشوكته ووجاهته ونحو ذلك فمكروه شديد الكراهة

Maksudnya: Adapun mencium tangan, jika disebabkan oleh sifat zuhud seseorang atau kesolehannya atau keilmuannya atau disebabkan dia menanggung nafkah kita maka itu adalah wajar, tapi jika untuk tujuan dunia seperti seseorang itu mempunyai harta yang banyak atau disebabkan kemuliaannya atau kemegahannya dan seumpamanya maka perkara itu adalah sangat dibenci (an-Nawawi, 1991).

Begitu juga dalam Mazhab Imam Hanafi, at-Thahawi ada menyatakan:

فعلم من مجموع ما ذكرنا إباحة تقبيل اليد والرجل والكشح والرأس والجبهة والشفتين وبين العينين، ولكن كل ذلك إذا كان على وجه المبرة والإكرام، وأما إذا كان ذلك على وجه الشهوة فلا يجوز إلا في حق الزوجين

Maksudnya: Telah diketahui dari semua yang telah kami sebutkan bahawa boleh mencium tangan, kaki, pipi, kepala, dahi, kedua bibir dan tempat antara kedua mata, jika kesemua ciuman itu dilakukan untuk kebaikan dan sebagai rasa tanda hormat, tetapi jika ciuman itu dilakukan disebabkan oleh keinginan atau syahwat, maka ia tidak boleh dilakukan melainkan kepada pasangan sahaja (al-Hanafi, 1997).

Dalam Mazhab Imam Hanbali pula, al-Bahuti ada menyatakan bahawa hukum mencium tangan itu adalah harus.

"فبإباحة تقبيل اليد والرأس تدينا وإكراما واحتراما مع أمن الشهوة، وظاهره عدم إباحته لأمر الدنيا، وعليه يحمل النهي"

Maksudnya: Dibolehkan mencium tangan dan kepala sebagai lambang kepatuhan kepada agama dan sebagai sebuah tanda hormat dan memuliakan dengan syarat tidak adanya nafsu syahwat, dan bagi urusan dunia secara zahirnya adalah tidak dibenarkan dan tegahan ini membawa maksud larangan (al-Hanbali, 1983).

Berdasarkan dari perbincangan pendapat Ulama di atas jelas Imam Syafie, Imam Maliki dan Imam Hanbali membenarkan seseorang untuk mencium tangan seseorang atas sebab dan tujuan tertentu seperti menghormati ibubapa, orang yang lebih tua, atau berilmu, atau seorang yang soleh semata-mata untuk menghormati dan memuliakan serta adat ini pula adalah lambang ketaatan kepada agama.

5- Adat mestilah berbentuk Umum atau Khusus tetapi tidak terhad.

Kebiasaannya Adat yang bersifat umum ialah adat yang diguna pakai di kebanyakan negara di kalangan semua orang dalam sesuatu perkara tertentu (Ahmad Zarqa, 2004) seperti penjualan harta. Manakala adat yang bersifat khusus pula ialah adat yang terhad penggunaannya di beberapa negara atau di tempat-tempat tertentu atau diguna pakai di kalangan orang-orang yang tertentu sahaja (Ahmad Zarqa, 2004) seperti pengetahuan sebuah negara terhadap adat tertentu yang mana bagi mereka adat itu cuma diamalkan di negara mereka dan tidak diamalkan dinegara lain, dan begitu juga tentang pengetahuan ahli-ahli pekerjaan tertentu dan

perindustrian tertentu mengenai suatu perkara yang bagi mereka perkara itu tidak terdapat di negara lain, dan adat yang khusus sebegini hanya dilakukan oleh sekelompok golongan tertentu sahaja. Sesungguhnya adat yang khusus ini telah diungkapkan dalam kaedah: "Adat masyarakat di sesebuah negara itu tidak mewajibkan penduduk negara lain mengikutinya jika adat mereka berbeza", dan begitu juga dengan kaedah: "Setiap orang yang mengamalkan satu-satu adat maka kata-katanya akan menjurus kepada amalan adatnya itu" disamping itu terdapat kaedah yang menerangkan secara lebih terperinci tentang adat khusus ini iaitu: "Sesuatu yang telah dimaklumi di kalangan para peniaga seolah-olah seperti syarat yang telah ditetapkan dikalangan mereka" (Ahlu Nanyan, 2013).

Begitupun sekiranya adat yang khas itu terhad digunakan oleh sekelompok golongan sahaja maka adat itu tidak boleh diambil kira dan tidak boleh dijadikan sandaran hukum seperti seorang atau beberapa orang yang bersikap merendah diri dalam urusan urus niaga yang mana sikap itu berlainan dengan sikap-sikap orang yang berada secara keseluruhannya di pasar umum, maka sikap dan penampilan individunya ini tidak boleh dijadikan sandaran hukum kerana itu cuma sikap individu sahaja, dan "keadaan ini sama seperti tempoh haid seorang perempuan yang kurang dari tempoh kebiasaan perempuan-perempuan kedatangan haid, maka tempoh haid perempuan tadi tidak boleh dijadikan sandaran hukum tapi sebaliknya tempoh haid itu dirujuk kepada tempoh kebiasaan haid bagi kebanyakan perempuan" (az-Zarkashi, 1985).

## **Perlaksanaan Kaedah**

### ***Adat Globalisasi***

1- Solat akan batal sekiranya terdapat banyak pergerakan semasa mengerjakannya, hukum ini adalah berdasarkan kesepakatan para fuqaha, dalam hal ini mazhab Syafi'i dan Hanbali mengatakan bahawa rujukan untuk menentukan pergerakan yang banyak itu adalah dirujuk kepada adat, maka sekiranya masyarakat di kawasan itu menganggap bahawa pergerakan yang dilakukan itu adalah banyak maka ia akan dikira banyak berdasarkan kepada tanggapan umum dan begitu juga sebaliknya (al-Hanbali, 1983).

2- Dibolehkan untuk tetamu memakan makanan yang dihidangkan kepadanya tanpa perlu menunggu kata izin daripada tuan rumah seperti "Silakan makan" sebab perkara ini sudah menjadi adat kebiasaan di dalam sesuatu masyarakat (as-Sayuti, 1983).

3- Akad akan terjadi dengan apapun lafaz atau kata-kata yang menunjukkan kepada berlakunya tanpa perlu kepada lafaz-lafaz tertentu untuk menunjukkan bahawa akad itu telah berlaku atau terjadi, bahkan setiap apa jua ucapan atau perbuatan yang menjadi kebiasaan masyarakat yang menunjukkan bahawa akad itu telah berlaku maka akad itu dikira sudah berlaku, walaupun lafaz-lafaz yang digunakan adalah dalam bahasa pasar atau bahasa kegunaan sehari-harian yang bertentangan dengan bahasa baku atau bahasa standard, contohnya apa sahaja yang dapat memberikan faedah kepada perlakuan atau tindakan mereka seperti komentar atau pelaksanaan atau keizinan atau kebenaran atau yang lain daripada itu maka ia adalah diambil kira (Ahmad Zarqa, 2004).

4- Sekiranya adat kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat ialah yuran pendaftaran akad atau perbelanjaan penghantaran barang-barang adalah ditanggung oleh penjual, kemudian sejajar dengan perubahan masa, adat ini berubah yang mana urusan tadi ditanggung oleh pembeli

maka adat itu akan mengikut kepada perubahan itu (Ahmad Zarqa, 2012).tapi sekiranya berlaku perubahan adat seperti sekiranya upah mengangkat kayu api atau arang batu atau yang lain daripada itu dengan menggunakan lori ditanggung kos penghantarannya ke rumah pembeli oleh penjual kemudian adat kebiasaan ini berubah selepas akad dengan kos pengangkutan ditanggung oleh pembeli maka perubahan adat yang berlaku itu tidak boleh diambil kira (Amin Ufandi, 1991). Ini kerana adat yang diguna pakai ialah adat yang telah menjadi kebiasaan sebelum akad dan bukan selepas akad.

5- Kemasukan sejumlah wang ke dalam akaun bank pelanggan dianggap sebagai penerimaan berdasarkan kepada adat yang berlaku, seperti dalam kes-kes berikut: A - Jika sejumlah wang didepositkan kedalam akaun pelanggan secara langsung atau melalui pindahan bank (Mesin ATM). B - Jika pelanggan membuat kontrak pertukaran yang dipersetujui antara dia dan bank sekiranya membeli mata wang dengan mata wang yang lain untuk akaun pelanggan. C - Jika bank memotong - dengan perintah pelanggan - amaun daripada akaunnya untuk akaun lain dengan mata wang lain, di bank yang sama atau di bank lain, untuk faedah pelanggan atau penerima lain. Begitu juga penerimaan cek yang kebiasaannya berlaku dari segi adat jika pelanggan mempunyai baki wang yang boleh dikeluarkan dalam mata wang yang ditulis dalam cek itu apabila ia ingin dikeluarkan dan bank menerimanya (Persatuan Mu'tamar Islam Jeddah, 1990). Antara perkara yang dianggap sebagai penerimaan dari sudut adat juga ialah apa yang berlaku kepada proses pertukaran wang dengan mata wang yang lain yang mana apabila pelanggan mengambil resit pertukaran dan menetapkan sejumlah wang yang perlu ditukarkan serta dia mendapat pulangan wang asing yang tertentu dari sudut adat menerimanya (Persatuan Mu'tamar Islam Jeddah, 1990).

6- Nama Syarikat Perniagaan, alamat syarikat perniagaan, simbol-simbol perniagaan, formasi syarikat, ciptaan dan rekaan syarikat adalah hak milik khas pemiliknya, dan mengikut adat pada masa kini kesemua hak-hak itu adalah dianggap sesuatu harta yang bernilai buat pemiliknya dan diiktiraf kerana hak itu dianggap pemilikan individu terhadapnya, dan hak-hak itu juga adalah diakui dari sudut syarak dan tidak dibenarkan seorangpun mencerobohnya menerimanya (Persatuan Mu'tamar Islam Jeddah, 1990).

7- Adat kebiasaan masa kini telah menetapkan bahawa antara hak yang termasuk dalam kemudahan perkhidmatan awam ialah alat komunikasi, elektrik, air, tempat kumbahan dan penghawa dingin di tempat membeli-belah, begitu juga halnya dengan tempat meletak kereta persendirian seperti meletakkan kereta di bangunan, di pasar dan di tempat-tempat perniagaan, maka meletakkan kereta ini akan mengikut adat kebiasaan di mana kereta itu dibenarkan untuk diletakkan (Zuhair Hafiz, 2021).

8- Meletakkan kereta di hadapan rumah atau di tempat letak kereta yang sesuai dengan pintu kereta berkunci dianggap sebagai penjagaan kepada kereta itu, dengan syarat tidak ada kecuaiian atau pengabaian terhadap penjagaan itu. Perkara seperti ini telah menjadi kebiasaan orang ramai pada masa kini dan adat ini adalah diiktiraf, maka siapa yang mengambil kereta itu dari tempat ini dianggap sebagai satu pencurian dari penjaganya dan boleh dikenakan hukum hudud iaitu potong tangan (as-Shahrani, 2003).

9- Jika sudah menjadi kebiasaan di dalam sebuah masyarakat bahawa seorang wanita keluar rumah dengan tidak memakai tudung dan bebas bergaul dengan lelaki, maka adat yang wujud seperti ini tidak boleh dijadikan sebagai hujah ataupun dalil yang mengharuskan perbuatan itu;

kerana perbuatan ini bercanggah dengan nas-nas Al-Quran mahupun Sunnah Nabi saw yang mewajibkan seorang wanita itu bertudung jika keluar rumah dan pergaulannya dengan lelaki ajnabi haruslah dijaga (al-Ghazi, 2003). Sebagai contohnya ialah realiti yang berlaku didalam Institusi Pendidikan apabila telah menjadi kebiasaan bagi pelajar-pelajar perempuan pergi ke sekolah dengan tidak memakai tudung, tidak menutup bahagian atas dada dan lengan-lengan mereka, dan perbuatan mereka ini tidak boleh dijadikan dalil untuk mengharuskan perbuatan membuka aurat tersebut kerana ia bercanggah dengan asal syariat Islamiyah yang menuntut agar kepala perempuan, bahagian atas dadanya dan lengannya haruslah ditutup kerana ia merupakan aurat dan tidak boleh bagi seorang perempuan itu mendedahkannya, maka disini adat sebegini tidak boleh dipertimbangkan untuk dijadikan ikutan kerana ia bercanggah dengan prinsip Syariat Islamiyah (Ahlu Nanyan, 2013).

10- Para fuqaha berselisih pendapat mengenai tempoh haid yang paling singkat dan paling lama serta tempoh bersuci yang paling singkat berdasarkan kepada pendapat yang berbeza-beza. Perbezaan pendapat dikalangan para fuqaha ini tidak ada sandaran dari sudut syarak melainkan merujuk kepada pengalaman dan adat yang berlaku, dan setiap pendapat mereka itu hanya diambil dari pengalaman yang dialami (al-Qurthubi, 2004).

### ***Adat-Adat Setempat***

Bagi pengamalan adat setempat yang masih diamalkan di Sabah adalah seperti Rajah 2 berikut.



**Rajah 2: Pengamalan Adat Setempat di Sabah**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2025

### ***Membaca surah Yaasiin Pada Malam Jumaat***

Antara amalan rutin yang dilakukan oleh masyarakat Islam di Malaysi ialah membaca surah yaasiin pada setiap malam Jumaat. Kebiasaannya bacaan Yaasiin ini akan dilakukan selepas selesai menunaikan solat fardhu maghrib berjemaah samada di surau atau masjid. Walaupun terdapat perselisihan pendapat dikalangan para Ulama mengenai membaca yaasiin pada malam jumaat tapi masyarakat Islam di Malaysia masih mengambil pendapat yang membolehkan bacaan yaasin itu di amalkan.

Antara dalil-dalil yang digunakan oleh ulama-ulama di Malaysia yang membolehkan bacaan yaasiin itu ialah:

- 1- Bacaan yaasiin itu boleh membawa keberkatan, kebaikan, mendatangkan rezeki dan kejayaan di dunia dan akhirat.
- 2- Bacaan yaasiin itu dapat menghapuskan dosa-dosa pembacanya, ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Hiban di dalam sahihnya bahawa sahnya Rasulullah saw bersabda:

(من قرأ يس في ليلة ابتغاء وجه الله غفر له)

Maksudnya: Siapa yang membaca surah yaasiin pada malam hari semata-mata menuntut keridhaan Allah swt maka akan diampunkan baginya dosa-dosanya (at-Tamimi, 1988).

Hadis itu menunjukkan bahawa membaca yaasiin adalah pada waktu malam tetapi tidak pula dikhususkan kepada malam-malam tertentu, maka umat Islam di Malaysia umumnya memilih untuk membaca Yaasiin pada malam jumaat sempena mengambil keberkatan pada malam tersebut sebab hari Jumaat adalah "Sayyidul Ayyam" iaitu penghulu segala hari. Yang penting jangan dijadikan I'tikad atau kepercayaan bahawa membaca yaasiin pada malam Jumaat itu wajib, sebaliknya ia adalah harus sahaja dan siapa yang tidak membacanya pada malam tersebut, tidak berdosa.

- 3- Sebagai orang Islam kita digalakkan untuk membaca ayat-ayat suci al-Quran pada waktu malam berdasarkan kepada hadis berikut:

(مَنْ قَرَأَ عَشْرَ آيَاتٍ فِي لَيْلَةٍ لَمْ يَكُتِبْ مِنَ الْغَافِلِينَ).

Maksudnya: Sesiapa yang membaca sepuluh ayat setiap malam maka dia tidak akan ditulis sebagai orang-orang yang lalai (an-Naisaburi, 1990). Dan surah yaasiin juga merupakan salah satu daripada ayat-ayat suci al-Quran, kalau sekadar membaca 10 ayat tidak akan dituliskan sebagai golongan orang-orang yang lalai, maka apalagi kalau kita membaca lebih dari sepuluh ayat.

### ***Baju Melayu dan Baju Kurung***

Baju Melayu dan baju kurung merupakan pakaian tradisional yang popular di Malaysia. Baju Melayu ialah pakaian lelaki dengan lengan panjang dan zip di hadapan dan seluar dipanggil sarung. Baju Kurung pula ialah pakaian wanita dengan baju panjang dengan zip di bahagian belakang dan skirt panjang yang dipanggil kain. Kedua-dua jenis pakaian ini berkaitan dengan budaya dan adat Melayu di Malaysia. Pada masa kini, baju Melayu dan baju Kurung telah menjadi pakaian rasmi untuk majlis-majlis rasmi seperti perkahwinan, pengebumian, semasa sambutan hari raya samada hari raya Aidil Fitri dan Aidil Adha, serta majlis-majlis sosial yang lain. Baju Melayu dan baju Kurung terdiri daripada pelbagai variasi yang dipengaruhi oleh adat dan budaya masyarakat setempat. Terdapat beberapa variasi baju Melayu dan baju Kurung Moden seperti baju Melayu atau baju Kurung Cekak Musang, Teluk Belanga dan baju Melayu dan baju Kurung Riau.

Walaupun terdapat perubahan dalam bahan, model, dan aksesori yang digunakan, kedua-dua jenis pakaian ini masih dianggap sebagai simbol budaya dan adat Melayu serta kebanggaan masyarakat Melayu di Malaysia. Perlu diketahui bahawa kedua-dua pakaian ini merupakan pakaian yang menutup aurat, sebab itu ia bukan sahaja sesuai tapi juga selesai digunakan oleh masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Perlu diingat bahawa Islam tidak mensyaratkan etika

berpakaian tertentu kepada lelaki atau wanita samada dari segi bentuk atau warna pakaian, sebaliknya Islam hanya meletakkan kawalan umum dan garis panduan yang tertentu untuk berpakaian, antaranya ialah: pakaian itu mestilah pakaian yang menutup aurat, pakaian itu bukanlah pakaian yang terlalu tipis yang menyebabkan kulit seseorang itu dapat dilihat dengan jelas atau dalam bahasa English di panggil "transparent", dan pakaian itu tidak mendedahkan bahagian anggota tubuh badan yang dianggap aurat dan boleh menimbulkan fitnah. Maksudnya disini ialah pakaian itu adalah isu yang tertakluk kepada adat persekitaran dan adat setiap masyarakat asalkan pakaian itu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Islam tanpa mengira model ataupun bentuk pakaian tersebut.

### ***Sambutan Maulidur Rasul***

Setiap tahun bersamaan dengan 12 Rabiulawal seperti kebiasaannya umat Islam di Malaysia akan menyambut Maulidur Rasul bersempena memperingati kelahiran Nabi Muhammad saw yang kita kasihi. Sambutan Maulidur Rasul adalah acara rasmi kerajaan yang disambut setiap tahun samada di peringkat Persekutuan atau Negeri, sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan. Sambutan ini bukan sekadar untuk memperingati hari ulang tahun kelahiran Rasulullah saw malah ia menjadi wadah terbaik dalam menyantuni masyarakat agar meneladani bukan sahaja susur kehidupan dan perjuangan baginda tapi juga pemikirannya, akhlak, peribadi, pendekatan dakwahnya dan sunnah baginda SAW.

Pelbagai aktiviti diadakan sempena memeriahkan sambutan Maulidur Rasul ini yang kebiasaannya akan dimulakan dengan perarakan perjalanan bersepeda, ceramah atau tazkirah, berselawat beramai-ramai ke atas baginda, deklamasi puisi atau sajak, pertandingan mewarna kanak-kanak yang berlatar belakang lukisan tentang kehidupan orang-orang Arab di zaman baginda, persembahan seni media pemetaan cahaya pada latar pentas hasil gabungan inovasi dan suntikan elemen teknologi dan sebagainya. Sambutan Maulidur Rasul di Malaysia dibenarkan dengan meraihan beberapa syarat utama, antaranya:

- 1- Pengisian yang baik seperti tazkirah dan ceramah.
- 2- Tiada percampuran lelaki dan perempuan.
- 3- Menutup aurat.
- 4- Tiada unsur maksiat.
- 5- Memperingati dan mempelajari riwayat hidup Rasulullah saw atau sirahnya dengan lebih baik dari tahun ke setahun.

Disamping itu, Malaysia juga meraihan pendapat beberapa Ulama Kontemporari dunia yang terkenal yang membenarkan sambutan ini seperti:

1. Prof. Dr. Yusof al-Qardawi berkata:

"إنما الذي ننكره في هذه الأشياء الاحتفالات التي تخالفها المنكرات، وتخالفها مخالفات شرعية وأشياء ما أنزل الله بها من سلطان.. ولكن إذا انتهزنا هذه الفرصة للتذكير بسيرة رسول الله، وبشخصية هذا النبي العظيم، وبرسالته العامة الخالدة التي جعلها الله رحمة للعالمين، فأبي بدعة في هذا وأية ضلالة؟"

Apa yang kita bantah dalam perkara-perkara seperti ini ialah perayaan yang bercampur dengan perkara-perkara mungkar dan perkara-perkara yang melanggar syariat Islamiah serta perkara-perkara (khurafat) yang Allah tidak berikan kuasa kepadanya, sebaliknya jika sekiranya kita mengambil peluang ini untuk memperingati perjalanan hidup Nabi saw, peribadinya yang unggul dan risalah Islamiyah yang dibawanya yang dijadikan Allah swt sebagai rahmat kepada

seluruh alam, maka adakah ini perkara bid'ah atau termasuk dalam kesesatan? (al-Qardhawi, 2023).

2. Prof. Dr. Wahab az-Zuhaili mengatakan:

إذا كان المولد النبوي مقتصرًا على قراءة القرآن الكريم، والتذكير بأخلاق النبي عليه الصلاة والسلام، وحضّهم على الفرائض وعلى الآداب الشرعية، ولا يكون وترغيب الناس في الالتزام بتعاليم الإسلام ولكن لا تطروني كما أطرت النصارى عيسى بن مريم: «ولا إطرأ كما قال النبي فيها مبالغة في المديح». وهذا إذا كان هذا الاتجاه في واقع الأمر لا يُعد من البدع «قولوا عبد الله ورسوله».

Maksudnya: Sekiranya sambutan perayaan maulid Nabi saw hanya terbatas pada pembacaan al-Quran, memperingati akhlak Nabis saw, menggalakkan manusia untuk patuh kepada ajaran-ajaran Islam, mendorong mereka untuk melakukan perkara-perkara fardhu dan berpegang teguh kepada adab-adab Islam serta tidak berlebih-lebihan di dalam pujian dan sanjungan kepada Nabi saw seperti mana sabda baginda : "Janganlah kamu memujiku seperti mana orang-orang Nasrani memuji Nabi Isa Ibnu Maryam as akan tetapi kamu katakanlah 'hamba Allah dan utusanNya'" dan sekiranya perkara itu seperti ini pada hakikatnya maka ia tidak dianggap sebagai perkara bid'ah (az-Zuhaili, 2023).

3. Prof. Dr. Muhammad Ramadhan al-Buthi

الاحتفال بذكرى مولد رسول الله نشاط اجتماعي يبتغي منه خير ديني، فهو كالمؤتمرات والندوات الدينية التي تعقد في هذا العصر، ولم تكن معروفة من قبل. ومن ثم لا ينطبق تعريف البدعة على الاحتفال بالمولد، كما لا ينطبق على الندوات والمؤتمرات الدينية. ولكن ينبغي أن تكون هذه الاحتفالات خالية من المنكرات.

Maksudnya: Menyambut ulang tahun untuk memperingati keputeraan Rasulullah saw adalah merupakan satu aktiviti sosial yang diharapkan padanya ada kebaikan untuk agama, justeru itu sambutan ini adalah sama seperti persidangan dan seminar-seminar agama yang dianjurkan pada masa kini dan tidak pernah diadakan sebelumnya. Maka takrif bid'ah itu tidak terpakai kepada sambutan maulidur rasul ini, seperti mana ta'rifan itu tidak boleh dipalitkan kepada seminar dan persidangan agama. Akan tetapi disyaratkan untuk sambutan-sambutan seperti ini agar bebas dari perkara-perkara maksiat (al-Buthi, 2020).

Jelas dari ketiga-tiga pendapat ulama yang tersohor ini, mereka membenarkan dan tidak melarang sambutan Maulidur Rasul diadakan tapi mestilah dengan syarat-syarat bahawa sambutan itu dapat memberikan impak positif kepada masyarakat seperti memperingati perjalanan hidup Nabi agung Muhammad SAW serta akhlakunya yang mulia dan sambutan ini pula tidak ada unsur-unsur syirik dan maksiat di dalamnya. Maksudnya sambutan itu mestilah tidak bercanggah dengan syarak.

**Kain Pelikat**

Kain pelikat adalah kain sarung yang dipakai oleh orang Melayu, khususnya bagi kaum lelaki. Kain pelikat yang dipakai itu menutup dan menyembunyikan bahagian bawah badan yang bermula dari tengah badan hingga ke bawah. Kain sarung telah bertapak di Malaysia sejak

zaman kerajaan Kesultanan Melaka lagi iaitu sekitar abad ke-15. Kain sarung ini biasanya dijual secara berjahit dan ada juga yang tidak berjahit (kain pelikat lepas). Kain pelikat biasanya dibuat dari pelbagai bahan termasuklah kapas dan polyester atau pun campuran antara kedua-dua bahan itu. Manakala motifnya pula telah direka dengan padanan warna dan corak kekotak, garis vertikal, horizontal dan corak geometri lain yang menarik. Mungkin terdapat beberapa faktor yang membuatkan sarung begitu sinonim dalam tradisi di Asia terutamanya faktor cuaca. Cuaca Khalistiwa menyebabkan penggunaan kain kapas (cotton) lebih tahan lasak, selesa dan mudah untuk dipakai sebagai pakaian harian. Selain itu ukurannya yang panjang amat ideal untuk menutupi aurat dengan baik.

Kain pelikat ini sering digunakan oleh kaum lelaki untuk pergi ke masjid menunaikan solat. Justeru itulah tidak menjadi satu kehairanan dan bukannya asing sekiranya kita melihat bahawa ramai kaum lelaki di Malaysia pergi ke masjid mengenakan kain sarung. Selain daripada itu kain sarung juga digunakan ketika bersantai di dalam rumah atau sewaktu tidur. Bagi kaum perempuan pula, terutamanya yang tinggal di kampung dan pendalaman, kain sarung menjadi pakaian sehari-harian mereka. Mereka menggunakannya ketika berada di rumah, atau pergi ke rumah jiran atau pergi ke pasar dan lain-lain lagi, malahan ketika mereka mandipun, kebiasaannya mereka akan mengenakan kain sarung melebihi paras dada. Nabi Muhammad saw sendiri pernah memakai kain sarung seperti mana yang dinukilkan dalam sebuah hadis:

عَنِ الْأَشْعَثِ بْنِ سُلَيْمٍ، قَالَ: سَمِعْتُ عَمِّي، تُحَدِّثُ عَنْ عَمِّهَا، قَالَ: بَيْنَا أَنَا أَمْشِي بِالْمَدِينَةِ، إِذَا إِنْسَانٌ خَلْفِي، يَقُولُ: ازْفَعْ إِزَارَكَ، فَإِنَّهُ أَتَقَى وَأَبْقَى، فَإِذَا هُوَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّمَا هِيَ بُرْدَةٌ مَلْحَاءُ، قَالَ: (أَمَا لَكَ فِي أُسْوَةٍ؟) فَانْظَرْتُ، فَإِذَا إِزَارُهُ إِلَى نِصْفِ سَاقَيْهِ

Maksudnya: Dari al-Asy'ats ibnu Sulaim, dia berkata: Saya mendengar ibu saudara saya membicarakan tentang bapa saudaranya, bapa saudaranya (Ubaid bin Khalid al-Muharibiy) berkata: Ketika aku sedang berjalan di kota Madinah, tiba-tiba seorang lelaki yang berada di belakang aku berkata: Angkatlah kain sarungmu, maka sesungguhnya itu akan membuat kain sarungmu lebih bersih dan lebih tahan lama, lelaki itu adalah Rasulullah saw, lalu aku berkata kepadanya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya kain sarung ini hanyalah sehelai kain yang berwarna kelabu. Lalu baginda bersabda: Tidak adakah seorang yang boleh engkau jadikan contoh?, lalu sayapun melihat kain sarungnya sampai ke separuh dari betisnya (as-Syaibani, 1969). Hadis ini menunjukkan kepada kita bahawa Rasulullah SAW juga memakai kain sarung dan bagaimana cara baginda memakainya.

### ***Berdoa dan Berzikir beramai-ramai***

Antara yang menjadi adat kebiasaan masyarakat di Malaysia ialah berzikir beramai-ramai dan mengaminkan doa imam selepas menunaikan solat fardhu berjemaah. Amalan ini hampir dikerjakan di setiap masjid dan surau di Malaysia. Amalan ini merupakan amalan yang turun-menurun dari ulama yang terdahulu dan sudah pasti ada sandarannya. Amalan berzikir dan berdoa ini merupakan amalan yang menjadi penghubung antara hamba dan tuhan. Tujuannya adalah untuk mendekatkan diri kepada Khalik Sang Pencipta dan merupakan sumber ketenangan jiwa bagi setiap orang beriman. Amalan ini juga dapat membersihkan dan menyucikan jiwa manusia, membuka hijab rohani dan seterusnya mencapai ma'rifat terhadap Allah SWT.

Persoalannya, adakah amalan ini dibolehkan di dalam Islam? Sebelum kita mendatangkan dalil-dalil yang menunjukkan kepada keharusannya, kita lihat dulu pendapat mazhab yang empat dalam perkara ini:

1- Imam Hanafi

والدبر يطلق على ما قبل الفراغ منها أي الوقت الذي يليه وقت الخروج منها وقد يراد به وراءه وعقبه أي الوقت الذي يلي وقت الخروج ولا يبعد أن يكون كل من الوقتين أوفق لإستماع الدعاء فيه وأولى باستحبابه

Yang dimaksudkan dengan istilah di belakang solat itu ialah masa sebelum selesai mengerjakan solat iaitulah waktu yang mengikuti waktu hendak keluar dari solat, dan boleh juga diertikan sebagai waktu selepas selesai mengerjakan solat iaitulah waktu yang mengikuti waktu selesai solat, begitupun kedua-dua waktu ini merupakan waktu yang sesuai untuk didengar doa padanya dan waktu yang lebih utama untuk dikabulkan doa (Ibnu Najm, 1997).

2- Imam Maliki

وَالسُّنَّةُ الْمَاضِيَةُ أَنْ لَا يَتْرُكَ الذِّكْرَ وَالْدُّعَاءَ عَقِبَ الصَّلَاةِ

Sunnah yang terdahulu ialah tidak meninggalkan zikir dan doa selepas solat (al-Hajj, 1929).

3- Imam Syafie.

اتَّفَقَ الشَّافِعِيُّ وَالْأَصْحَابُ وَغَيْرُهُمْ رَحِمَهُمُ اللَّهُ عَلَى أَنَّهُ يُسْتَحَبُّ ذِكْرُ اللَّهِ تَعَالَى بَعْدَ السَّلَامِ وَيُسْتَحَبُّ ذَلِكَ لِلْإِمَامِ وَالْمَأْمُومِ وَالْمُنْفَرِدِ وَالرَّجُلِ وَالْمَرْأَةِ وَالْمُسَافِرِ وَغَيْرِهِ وَيُسْتَحَبُّ أَنْ يَدْعُوَ أَيْضًا بَعْدَ السَّلَامِ بِالِاتِّفَاقِ وَجَاءَتْ فِي هَذِهِ الْمَوَاضِعِ أَحَادِيثُ كَثِيرَةٌ صَحِيحَةٌ فِي الذِّكْرِ وَالْدُّعَاءِ قَدْ جَمَعْتُهَا فِي كِتَابِ الْأَذْكَارِ

Imam Syafie dan para sahabatnya serta yang lainnya bersepakat bahawa amat digalakkan untuk berzikir selepas daripada salam dan digalakkan yang demikian itu untuk Imam, ma'mum, individu, lelaki, perempuan dan musafir serta selain mereka itu dan amat digalakkan juga untuk berdoa. Ini merupakan kesepakatan di dalam mazhab Imam Syafie. Terdapat banyak hadis-hadis yang sahih mengenai perkara berzikir dan berdoa yang dihimpunkan di dalam kitab al-Azkaar (an-Nawawi, 2010).

4- Imam Hanbali.

وَيَدْعُوَ الْإِمَامُ بَعْدَ الْفَجْرِ وَالْعَصْرِ لِحُضُورِ الْمَلَائِكَةِ فِيهِمَا فَيُؤْمِنُونَ عَلَى الدُّعَاءِ 1 وَالْأَصْحُ وَغَيْرُهُمَا، جَزَمَ بِهِ صَاحِبُ الْمُحَرَّرِ وَغَيْرُهُ...

Imam berdoa selepas dari solat Subuh dan Asar disebabkan para malaikat akan hadir pada dua waktu tersebut, dan doa itu diamiinkan oleh para jemaah yang hadir, dan yang paling tepatnya ialah selain daripada dua waktu tersebut, perkara ini diakui oleh penulis dan yang selain daripadanya (ar-Ramini, 2003).

Adapun dalil-dalil yang membolehkan zikir beramai-ramai dan berdoa selepas solat antaranya ialah:

1- Hadis Nabi saw yang diriwayatkan oleh Imam Tarmizi:

عن أبي أمامة، قال: قيل يا رسول الله: أي الدعاء أسمع؟ قال: جوف الليل الآخر، ودبر الصلوات المكتوبات

Maksudnya: Dari Abi Umamah, dikatakan kepada Nabi saw, Wahai Rasulullah: Doa manakah yang didengar. Nabi saw bersabda: Doa pada pertengahan malam dan doa selepas dari solat fardhu (at-Tarmizi, 1998).

2- Hadis Nabi saw yang diriwayatkan oleh at-Tabrani:

(لَا يَجْتَمِعُ مَلَأٌ فَيَدْعُو بَعْضُهُمْ وَيُؤْمِنُ سَائِرُهُمْ إِلَّا أَجَابَهُمُ اللَّهُ)

Maksudnya: Tidak berhimpun satu-satu kaum itu lalu sebahagian mereka berdoa dan sebahagian yang lain mengaminkan doa itu melainkan doa mereka itu di makbulkan oleh Allah SWT (at-Tabrani, 1994).

3- Daripada Ibnu Abbas:

عن ابن عباس مرفوعا: (الداعي والمؤمن في الأجر شريكان، والقاري والمستمع في الأجر شريكان، والعالم والمتعلم في الأجر شريكان)

Maksudnya: Orang yang berdoa dan orang yang mengaminkan doa kedua-duanya bersekutu mendapat pahala, dan orang yang membaca dan orang yang mendengar kedua-duanya bersekutu mendapat pahala, dan orang yang berilmu dan orang yang belajar kedua-duanya bersekutu mendapat pahala (al-Muttaqi al-Hindi, 1981).

Dalil-dalil yang dikemukakan di atas merupakan dalil-dalil yang menguatkan bahawa berdoa dan berzikir beramai-ramai selepas daripada solat berjemaah adalah dibolehkan sebab bukan sahaja Mazhab Imam Syafie yang menggalakan zikir dan doa selepas daripada solat malah mazhab-mazhab yang lain juga menekankan betapa pentingnya perkara tersebut dilakukan agar masyarakat faham kepentingan zikir dan doa yang bukan sahaja boleh mendekatkan diri-diri kepada Khalik Rabbul Jalil tetapi juga ia merupakan sebahagian daripada ibadah yang dituntut di dalam Islam.

### ***Mendatangi Bomoh***

Antara salah satu jenis perubatan yang dikenali di Alam Nusantara ini termasuklah di Malaysia ialah perubatan tradisional. Perubatan tradisional ini juga dikenali sebagai "perubatan kampung" yang biasanya dikendalikan oleh seorang Bomoh. Di dalam masyarakat Melayu, bomoh ini dikenali dengan pelbagai nama seperti dukun atau pawang. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, bomoh merupakan seorang tabib yang mengubati orang sakit dengan menggunakan ubat tradisional atau cara kampung dan jampi-jampi (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998). Bomoh merupakan orang yang sangat dipercayai boleh menyembuhkan berbagai-bagai penyakit seperti kerasukan, terkena sihir, gangguan makhluk halus, histeria, migrain, lemah tenaga batin dan lain-lain lagi. Ini kerana bomoh sahaja yang dianggap boleh berhubung dengan roh atau kuasa ghaib seperti jin dan syaitan. Masyarakat Melayu melihat

persoalan alam ghaib merupakan permasalahan yang kompleks yang tidak dapat ditanggapi oleh akal fikiran manusia secara saintifik dan jalan keluar yang terbaik untuk masalah ini ialah dengan mendatangi bomoh. Nabi saw bersabda:

(مَنْ أَتَى عَرَّافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ، لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةُ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً)

Maksudnya: Sesiapa yang mendatangi bomoh (tukang tilik) lalu meminta bantuannya untuk mendapatkan sesuatu maka tidak akan diterima solatnya selama empat puluh malam (an-Naisaburi, 1955).

Kebiasaannya apabila seorang pasien datang ke bomoh maka cara bomoh mengubati pasiennya ialah dia akan menggunakan jampi serapah iaitu sejenis mantra yang dibaca untuk tujuan perubatan yang lazimnya dibaca pada ubat, minyak, air dan benda-benda yang lain dengan menggunakan potongan ayat-ayat al-Quran dicampur dengan petua orang tua-tua atau jampi serapah tertentu dalam bahasa tertentu dan ada juga dikalangan bomoh itu yang menggunakan perantara jin di dalam pengubatnya atau amalan perbomohannya. Ilmu-ilmu perbomohan sebegini juga digunakan secara lebih meluas untuk tujuan-tujuan yang lain seperti menyihir orang, untuk tujuan mendapatkan kekayaan, untuk pelarisan, untuk kelihatan awet muda dan cantik, untuk ilmu kekebalan, untuk memecahkan rumahtangga orang, untuk mempelet seorang wanita dan lain-lain lagi. Kepakaran seorang bomoh dalam menjayakan hajat pasiennya itu adalah bergantung kepada tahap keilmuan, pengalaman atau kebijaksanaan yang dimiliki. Justeru itulah, amalan-amalan bomoh seperti inilah yang dianggap termasuk di dalam perkara khurafat dan umat Islam dilarang untuk mempercayai kuasa ghaib bomoh.

Dalam kehidupan masyarakat kini, amalan kepercayaan kepada bomoh ini masih berlaku. Salah satu contoh yang jelas ialah apa yang dilakukan oleh para Pegawai Kadet Laut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) terhadap pembunuhan secara tragedis rakan sejawat mereka iaitu Zulfarhan Osman Zulkarnain apabila mereka mendatangi bomoh untuk mengetahui siapa sebenarnya dalang yang menyebabkan kehilangan barang mereka. Hasilnya barang mereka yang hilang tidak dijumpai sebaliknya nyawa pula yang melayang. Justeru itu, adat mendatangi bomoh dan percaya kepada kuasanya adalah amat dilarang di dalam agama Islam dan ia dianggap salah satu daripada perkara khurafat yang boleh memesongkan akidah. Nabi saw bersabda:

(مَنْ أَتَى كَاهِنًا، أَوْ عَرَّافًا، فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ، فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أُنْزِلَ عَلَى مُحَمَّدٍ)

Maksudnya: Sesiapa yang mendatangi dukun (bomoh) atau tukang tilik lalu mempercayainya, maka sesungguhnya dia telah kufur terhadap apa yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW (as-Syaibani, 1995).

### Kesimpulan

Adat merupakan salah satu punca hukum dalam menetapkan hukum yang berkaitan dengan kebiasaan hidup manusia dalam pelbagai aspek kehidupan ekonomi, sosial, ibadah, pendidikan, budaya, politik, komunikasi dan sebagainya. Selagi mana tidak ada dalil-dalil yang terang dan jelas daripada al-Quran, Hadis Nabi saw, Ijma' Ulama, Qias, Istihsan, Maslahah Mursalah, Sad az-Zarai' dan yang lainnya maka adat kebiasaan yang menjadi amalan masyarakat sekitar digunakan sebagai hukum. Kalau adapun dalil-dalil dari sumber hukum yang disebutkan tadi yang boleh dijadikan sandaran untuk kiasan hukum kepada adat yang diguna pakai itu maka adat itu mestilah tidak bercanggah dengan dalil tersebut. Penggunaan adat sebagai hukum ini berlaku juga kepada kebanyakan para Ulama. Imam Malik membina hukum dalam Mazhab

Maliki kebanyakan bergantung kepada adat di Kota Madinah, manakala di dalam mazhab Imam Hanafi berlaku perselisihan hukum di dalam mazhab itu disebabkan perbezaan adat yang dilalui oleh Imam Abu Hanifah dan murid-muridnya yang kanan seperti Abu Yusuf dan Muhammad, begitulah juga dengan Imam Syafie yang membina hukumnya di Mesir berdasarkan kepada adat-adat setempat yang berlaku dan sudah tentu hukum yang dibinanya di Mesir ini (Qaul Jadid) berbeza dengan hukum yang pernah dikeluarkannya di Iraq (Qaul Qadim) disebabkan perbezaan adat diantara kedua negara tersebut. Ringkasnya, penggunaan adat sebagai hukum adalah tidak tetap dan boleh berubah berdasarkan kepada perubahan adat sedangkan dalil syarak adalah tetap dan tidak berubah.

### Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (PPIB, UMS) serta pihak Global Academic Excellence (GAE) di atas penerbitan artikel ini.

### Rujukan

Al-Quran.

- Abdul ar-Rahman, Fadhil Abdul al-Wahid. (1998). *Usul Fekah*, Darul al-Massira, Amman, Jordan.
- Abdul Malik, Ali Ibnu Khalaf (wafat 449H). (2003). *Syarah Sahih al-Bukhari li Ibnu Batal*. Disunting oleh Abu Tamim Yasir Ibnu Ibrahim. Maktabah al-Rushdi, As-Saudiyyah, Riyadh.
- Abu Habib, Sa'di. (1988). *Kamus Fiqhi dari segi Bahasa dan Istilah*, Darul Fikri, Dimasyki, Suria.
- Ahlu Nanyan, Muassasah Zaid ibnu Sultan. (2013). Lil-'Amal al-Khairiyah wa al-Insaniyah dan Munazzamah at-Taa'wun al-Islami Majma' al-Feqh al-Islami ad-Dauli, *Ma'lamah Zaid Lil-Qawaa'id al-Feqhi wa al-Usuliyah*, 8, 124.
- Ahlu Nanyan, Muassasah Zaid ibnu Sultan. (2013). Lil-'Amal al-Khairiyah wa al-Insaniyah dan Munazzamah at-Taa'wun al-Islami Majma' al-Feqh al-Islami ad-Dauli, *Ma'lamah Zaid Lil-Qawaa'id al-Feqhi wa al-Usuliyah*, Ibid, 8, 144.
- Ahlu Nanyan, Muassasah Zaid ibnu Sultan. (t.th.). Lil-'Amal al-Khairiyah wa al-Insaniyah dan Munazzamah at-Taa'wun al-Islami Majma' al-Feqh al-Islami ad-Dauli. *Ma'lamah Zaid Lil-Qawaa'id al-Feqhi wa al-Usuliyah*, 8, 123.
- Ahmad Zarqa, Mustafa. (2004). *Al-Madkhal al-Feqhi al-'Aam*. Dar al-Qalam, Dimasyk, Cetakan Kedua, 1425H-2004M, 2, 877-878.
- Ahmad Zarqa, Mustafa. (2012). *Aqad al-Baie'*, Dar al-Qalam, Dimasyk, Cetakan Kedua. 113.
- al-'Ainain Badraan, Badraan Abu. (1969). *Usul Fekah*. Daarul al-Maarif.
- al-'Aini, Mahmud Ibnu Ahmad ibnu Musa ibnu Ahmad ibnu Hussin al-Ghaitabi al-Hanafi Badruddin (wafat 855H). (2013). *Umdatul al-Qaari Syarah Sahih al-Bukhari*. Daru Ihya at-Turas al-Arabi, Beirut, 12, 17.
- al-Buthi, Muhammad Sa'id Ramadhan. (2020). *Laman Web rasmi Syeikh Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buthi*, <https://www.naseemalsham.com>, Al-Maulid an-Nabawi, Al-Fataawa, 3.1.2020.
- al-Gharnathi, Ibrahim ibnu Musa ibnu Muhammad al-Lakhmi. (2009). *Al-Muwaafaqaat Fi Usul as-Syariah*, Dar al-Kutub al-Ilmiah. Beirut, Lubnan.
- al-Ghazi, Muhammad Sidqi ibnu Ahmad ibnu Muhammad Ahlu Burnu Abu al-Haris. (2003). *Mausua' al-Qawaa'id al-Fiqiah*, Muassasah Risalah, Beirut, Lubnan, Cetakan Pertama, 1424H-2003M, 7, 398.

- al-Hajj, Muhammad ibnu Muhammad ibnu Muhammad al-'Abdi al-Faasi al-Maaliki. (wafat 737H). (1929). *Al-Madkhal*, Dar at-Turas, 2, 280.
- al-Hanafi, Ahmad ibnu Ali Abu Bakar ar-Raazi al-Jassas (wafat 370H). (1985). *Ahkaamul al-Quran*, Disunting oleh Muhammad Shodek al-Qamhaawi, Daru Ihya at-Turas al-Arabi, Beirut.
- al-Hanafi, Ahmad ibnu Muhammad ibnu Ismail at-Thathawi (wafat 1231H). (1997). *Hasyiyatu at-Thathawi 'ala Maraaqi al-Falah Syarah Nur al-Idhah*. Disunting oleh Muhammad Abdul Aziz al-Khalidi. Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, Lubnan.
- al-Hanbali, Aalauddin Abu al-Hassan Ali ibnu Sulaiman al-Mardaawi ad-Dimasyki as-Solihi (wafat 885H). (2000). *At-Tahbir Syarah at-Tahrir Fe Usul al-Feqh*, Disunting oleh Dr. Abdul Rahman al-Jabiriin, Dr. A'udhi al-Qarni dan Dr. Ahmad as-Saraah, Maktabah ar-Rushdi, Saudi, Riyadh.
- al-Hanbali, Aalauddin Abu al-Hassan Ali ibnu Sulaiman al-Mardaawi ad-Dimasyki as-Solihi (wafat 885H). (2000). *At-Tahbir Syarah at-Tahrir Fe Usul al-Feqh*. 8, 3855.
- al-Hanbali, Mansur ibnu Yunus ibnu Solehuddin ibnu Hasan ibnu Idris al-Bahuti (wafat 1051H). (1983). *Kasyaaf al-Qannaa' 'an Matnu al-Iqnaa'*. Dar al-Kutub al-Ilmiah, 2, 157.
- al-Hanbali, Muhammad ibnu Ahmad ibnu Salim as-Safaarini (wafat 1188H). (1993). Ghizaa al-Albaab Fi *Syarah Manzhumatil al-Adab*, Muassasah Qurtubah, Mesir.
- al-Hanbali, Mustafa ibnu Saad ibnu Abduh as-Sayuti (wafat 1246H). (1994). *Mathaalib Ulin Nuha Fi Syarah Gaayati al-Muntaha*, Maktab Islami.
- al-Ja'fi, Muhammad Ibnu Ismail Abu Abdullah al-Bukhari. (t.th.). *Sahih Bukhari*, Disunting oleh: Muhammad Zuhair ibnu Nasir an-Nasir. Daru Thauq an-Najah, cetakan pertama, 1422H, No. Hadis 5364, 7, 65.
- al-Maliki, Muhammad ibnu Abdullah Abu Bakar ibnu al-Arabi al-Maarifi al-Ashbili (wafat 543H). (2003). *Ahkaamu al-Quran*, Disunting oleh Muhammad Abdul Kadir 'Athaa. Darul al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, Lubnan.
- al-Maqdisi, Muhammad ibnu Muflih ibnu Muhammad ibnu Mufarraj Shamsuddin (wafat 763H). (2003). *Al-Furu' Wa Ma'auu Tashih al-Furu' Lia'lau ad-Din Ali ibnu Sulaiman al-Mardawi*, Disunting oleh: Abdullah ibnu Abdul Muhsin at-Turki, Muassasah Risalah.
- al-Muttaqi al-Hindi, Ali ibnu Husamuddin ibnu Qadhi Khan al-Qaadiri as-Shazali al-Hindi al-Burhanfuri (wafat 975H). (1981). *Kanzu al-Ummaal fi Sunani al-Aqwaal wa al-Af'aal*. Disunting oleh Bakri Hayati – Shafwatu as-Saqaa. Muassasah Risalah. Cetakan kelima, 1401H-1981M, No. Hadis 3197, 2, 75.
- al-Qaraafi, Ahmad ibnu Idris ibnu Abdul ar-Rahman al-Maliki (wafat 684H). (1998). *Al-Furuuq, Anwaar al-Buruuq Fi Anwaa al-Furuuq*, Aalamul al-Kutub.
- al-Qardhawi, Yusuf. (2023). *Laman Web rasmi Syeikh Yusuf al-Qardhawi, al-qaradawi.net*, Sambutan Maulid Nabi saw dan Hari-hari Kebesaran Islam, Fataawa wa Ahkaam, 23.9.2023.
- al-Qurthubi, Muhammad ibnu Ahmad ibnu Muhammad ibnu Ahmad ibnu Rushd (wafat 595H). (2004). *Bidayatul Mujtahid wa Nihayatul Muqtasid*. Dar al-Hadis, Kaherah. 1425H-2004M, 1, 57.
- Amin Ufandi, Ali Haidar Khawaajah (wafat 1353H). (1991). *Darr al-Hukkaam fi Syarah Majallah al-Ahkaam*. Disunting oleh Fahmi Husaini. Dar al-Jiil, Cetakan Pertama, 1411H-1991M, 1, 272.
- Anis, Ibrahim., Dr. Abdul Halim Muntasir, Athiyah as-Shawalihi dan Muhammad Khalfullah Ahmad. (1972). *Al-Mu'jam al-Wasit*, Bahagian Pertama, Cetakan Kedua, Kaherah.

- an-Naisaburi, Muhammad ibnu Abdullah ibnu Muhammad ibnu Hamdawiyah ibnu Naim ibnu Hakan ad-Dhabi at-Thahamani (wafat 405H). (1990). *Al-Mustadrak 'ala as-Sahihaini*. Disunting oleh Musthafa Abdul Kadir 'Atha. Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, Cetakan Pertama, 1411H-1990M, 1, 742.
- an-Naisaburi, Muslim ibnu al-Hujaj Abu al-Hasan al-Qusyairi (wafat 261H). (1955). *Al-Musnad as-Sahih al-Mukhtasar bi Naqli al-Adli 'an al-Adli ila Rasulullah SAW*. Disunting oleh Muhammad Fuad Abdul Baaqi. Dar Ihya at-Turas al-Arabi. Beirut. No. Hadis 2230, 4, 1751.
- an-Naisaburi, Muslim ibnu Hujaj Abu al-Hasan al-Qusyairi (wafat 261H). (t.th.). Di selia oleh: Muhammad Fuad Abdul Baaqi, Daarul Ihya at-Turas al-Arabi, Beirut.
- an-Naisaburi, Muslim Ibnu Hujaj Abu Hasan al-Qusyairi (wafat 261H). (1955). *Al-Musnad as-Sahih al-Mukhtasar binaqli al-Adli 'an al-Adli ila Rasulullah SAW*, Disunting oleh Muhammad Fuad Abdul Baaqi, Darul Ihya at-Turas al-'Arabi, Beirut. No. Hadis 1718, 3, 1343.
- an-Nasaie, Ahmad Ibnu Syuaib ibnu Ali al-Kharasani. (1986). *As-Sunan as-Sughra lin Nasaie*. Disunting oleh Abdul Fatah Abu Ghaddah, Maktab al-Mathbuaat al-Islamiyah, Halab, cetakan kedua, 1406H-1986M, 5, 54.
- an-Nawawi, Muhyiddin Yahya ibnu Syarfu (wafat 676H). (2010). *Al-Majmu' Syarah al-Muazzab*. Dar al-Fikri, 3, 484-485.
- an-Nawawi, Yahya ibnu Syarfin. (1991). *Raudhatu at-Thaalibiin wa Umdatu al-Muftiin*. Disunting oleh, Zahir as-Syawish, Al-Maktab al-Islami, Beirut, Dimasyk, Amman.
- ar-Raamini, Muhammad ibnu Muflih ibnu Muhammad ibnu Mufarraj, Syamsuddin al-Maqdasi (wafat 763H). (2003). *Al-Furu' wa ma'auu Tashih al-Furu' li 'Alauddin Ali ibnu Sulaiman al-Mardaawi*. Disunting oleh Abdullah ibnu Abdul Muhsin at-Turki. Muassasah Risalah, Cetakan Pertama, 1424H-2003M, 2, 231-232.
- as-Sarkhasi, Muhammad ibnu Ahmad ibnu Abi Sahl (wafat 483H). (1993). *Al-Mabsuth*, Dar al-Ma'rifah, Beirut.
- as-Sayuthi, Abdul Rahman ibnu Abi Bakar, Jalaluddin (Wafat 911H). (1990). *Al-Ashbah Wa an-Nazaair*. Dar Kutub al-Ilmiah.
- as-Sayuthi, Abdul Rahman ibnu Abi Bakar, Jalaluddin (Wafat 911H). (1984). *Al-Ashbah Wa an-Nazaair*, Dar Kutub al-Ilmiah, Beirut, Lubnan, Cetakan Pertama, 1403H-1984M, 90.
- as-Shahrani, Husin ibnu Ma'lawi. (2003). *Ahkaam as-Sariqah al-Muta'aliqah bis-Sayyaraat*, Maktabah Misykah al-Islamiah, 13.
- as-Sijistani, Sulaiman Ibnu al-Ash'ab ibnu Ishak ibnu Bashir ibnu Shadad ibnu Amru al-Azdari (wafat 275H). (1935). *Sunan Abi Daud*, Disunting oleh Muhammad Muhyiiddin Abdul Hamid. Al-Maktabah al-Ashriyah, Saida, Beirut.
- as-Syafie, Ahmad ibnu Ali ibnu Hajar Abu Fadhl al-Asqalani. (t.th.). *Fathu al-Baari Syarah Sahih al-Bukhari*, Disunting oleh Muhammad Fuad Abdul Baaqi. Dar al-Ma'rifah, Beirut.
- as-Syafie, Khalil ibnu Kaikaldi al-A'laie (wafat 761H). (1994). *Al-Majmu' al-Mazhab Fi Qawaid al-Mazhab*, Di sunting oleh Dr. Muhammad ibnu Abdul al-Ghafur ibnu Abdul ar-Rahman as-Syarif, Wizaratul al-Auqaf Wa as-Syuun al-Islimiyah, Kuwait.
- as-Syaibani, Ahmad ibnu Muhammad ibnu Hanbal ibnu Hilal ibnu Asad as-Syaibani (wafat 241H). (2001). *Musnad Imam Ahmad ibnu Hanbal*. Disunting oleh: Syuaib al-Arna'ut, Aadil Mursyid. Muassasah Risalah. No. Hadis 3600, 6, 84.
- as-Syaibani, Ahmad ibnu Muhammad ibnu Hanbal ibnu Hilal ibnu Asad (wafat 241H). (1969). *Musnad Imam Ahmad ibnu Hanbal*, Ibid, No. Hadis 23086, 38, 177.

- as-Syaibani, Ahmad ibnu Muhammad ibnu Hanbal ibnu Hilal ibnu Asad (wafat 241H). (1995). *Musnad Imam Ahmad ibnu Hanbal*. No. Hadis 9536, 15, 331.
- at-Tamimi, Muhammad ibnu Hibban ibnu Ahmad ibnu Hibban ibnu Muaz ibnu Ma'bad (wafat 354H). (1988). *Al-Ihsan fi Taqrib Sahih Ibnu Hibban*. Disunting oleh Syuaib al-Arnuth. Muassasah ar-Risalah, Beirut, Cetakan Pertama. 1408H-1988M, 6, 312.
- at-Tarmizi, Muhammad ibnu Isa ibnu Saurah ibnu Musa ibnu ad-Dhahaak (wafat 279H). (1998). *Al-Jami' al-Kabir-Sunan at-Tarmizi*. Disunting oleh Bashir 'Awaad Ma'ruf. Dar al-Gharb al-Islami, Beirut. No. Hadis 3499, 5, 404.
- at-Thabrani, Sulaiman ibnu Ahmad ibnu Ayyub ibnu Mathir al-Lakhmi as-Syami (wafat 360H). (1994). *Al-Mu'jam al-Kabir*. Disunting oleh Hamdi ibnu Abdul Majid as-Salafi. Maktabah ibnu Taimiyah, Al-Kaherah. Cetakan Kedua, No. Hadis 3536, 4, 21.
- Ayyad, Ahmad Mukhtar Umar, al-Jaylani ibnu Haji Yahya, Daud Abduh, Soleh Jawwad Tha'mah dan Nadim Mura'syili (1988). *Al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi*. Al-Munazzam al-Arabiyah Lit-Tarbiyah wa as-Thaqafah wa al-Ulum, Larus, Tunis.
- az-Zarkashi, Badruddin Muhammad ibnu Abdullah ibnu Bahadar. (1985). *Al-Mansur fi al-Qawaa'id al-Fiqiyah*. Wizaratul Auqaaf al-Kuwaitiyah.
- az-Zarqa, Ahmad ibnu As-Syeikh Muhammad (wafat 1357H). (1989). *Syarah al-Qawaa'id al-Fiqiyah*, Disunting oleh Mustapha Ahmad az-Zarqa, Darul al-Qalam, Dimasyk, Suria.
- az-Zuhaili, Wahab. (2023). *Program as-Syariah wa al-Hayat, al-Jazirah net*, Bid'ah wa Majaalatuha al-Mu'asshirah, 12.1.2023.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Hodder, I. (2000). The interpretation of documents and material culture. In N. K. Denzin & Y. S. Lincoln (Eds.), *Handbook of qualitative research* (2nd ed., pp. 703–716). SAGE Publications.
- Hussin, R., Ahmad, M. N., & Hamzah, Z. (2022). *Undang-undang adat dan mekanisme penyelesaian konflik di Sabah*. Jurnal Undang-Undang Malaysia, 35(2), 65–82.
- Hussin, R., Johnes, J. & Stephen, J. (2022). Pengaruh Hak dan Undang-Undang Adat Terhadap Toleransi dan Hubungan Harmoni Antara Etnik di Sabah. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*. <https://ejournals.ukm.edu.my/ebangi/article/view/58110/0?utm>.
- Ibnu Majah, Muhammad ibnu Yazid al-Qazuwaini (wafat 273H). (1952). *Sunan Ibnu Majah*. Di sunting oleh: Muhammad Fu'ad Abdul Baaqi, Daarul Ihya al-Kutub al-Arabiyah.
- Ibnu Najm, Zainuddin ibnu Ibrahim ibnu Muhammad (wafat 970H). (1997). *Al-Bahru ar-Raa'iq Syarah Kanzu ad-Daqa'iq*. Dar al-Kutub al-Islami. Cetakan Kedua, 1, 321.
- Ibnu Najm, Zainuddin ibnu Ibrahim ibnu Muhammad. (1999). *Al-Ashbah Wa an-Nazaa'ir a'la Mazhab Abi Hanifah an-Nu'man*. Disunting oleh Syeikh Zakaria Umairaat. Dar Kutub al-Ilmiyah, Beirut, Lubnan.
- Ismail, Z., Rahman, F., & Abdullah, S. (2023). *Sistem dwi perundangan di Malaysia Timur: Kajian perbandingan institusi Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Syariah*. Jurnal Kajian Borneo, 7(1), 44–59.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (1998). Edisi Ketiga. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marinsah, M., Musa, S., & Abdullah, R. (2019). *Amalan kematian masyarakat Bajau di Sabah: Antara adat dan syariah*. Jurnal Pengajian Adat, 10(1), 15–30.

- Marinsah, M., Musa, S., & Jamaludin, N. (2022). *Mahkamah Anak Negeri Sabah: Antara pengiktirafan dan cabaran pemodenan sistem*. Jurnal Sosio-Legal Malaysia, 4(1), 23–38.
- Marinsah, S. A., Hasbollah Hajimin, M. N., & Ramli, M. A. (2019). Unsur Kearifan Tempatan Dalam Adat Kematian Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam: Local Wisdom Elements on Death Ritual among Bajau Ethnic in Sabah: An Analysis from the Islamic Perspective. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa*.29. <https://doi.org/10.51200/manu.v29i.1877>.
- Marinsah, S. A., Hasbollah, M. N. H., & Hasmin, M. F. (2022). Pengamalan Sogit Di Mahkamah Anak Negeri dan Sogit Kampung: Satu Kajian Perbandingan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 623-641.
- Mayring, P. (2014). *Qualitative content analysis: Theoretical foundation, basic procedures and software solution*. Beltz.
- Mokhtar, M., Ali, R., & Hussin, N. (2021). *Ritual kematian kaum Suluk di Sandakan: Kepimpinan dan kearifan tempatan*. Jurnal Etnografi Borneo, 9(2), 67–80.
- Mokhtar, M., Ali, R., & Hussin, N. (2022). *Amalan kematian masyarakat Suluk dari perspektif Islam: Analisis budaya dan syariah*. Jurnal Warisan dan Budaya, 3(1), 50–65.
- Mokhtar, S., Ationg, R., Zulhaimi, N. A., Muda, N., Muis, A. M. R. A., Majumah, A. S. A. R., & Bakar, A.L.A. (2021). Pengaruh Kepimpinan Pengamal Adat Kaum Suluk dalam Ritual Kematian: Satu Tinjauan Awal di Sandakan, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(38), 217 - 231.
- Mokhtar, S., Thia, K., Yazid, M.T.M., Ramli, H.A., Muis, A.M.R.A & Pullong, A. (2022). Adat dan Ritual Kematian Masyarakat Suluk di Sandakan Menurut Pandangan Syarak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45), 1 – 17.
- Mustafa Sanu, Qutub. (2006). *Mu'jam Musthalahaat Usul al-Fekah*, Darul al-Fikri al-Muaashir, Beirut, Lubnan dan Darul al-Fikri, Dimasyak, Suria.
- Persatuan Mu'tamar Islam Jeddah. (1990). *Majallah Majma' al-Feqh al-Islami at-Taabi' Li Munazzamah al-Mu'tamar al-Islami bi-Jeddah*, Bilangan Keenam, 6, 592.
- Qoraafi, Shahabuddin Ahmad ibnu Idris ibnu Abdul Rahman (wafat 684H). (1973). *Syarah Tanqih al-Fusul*. Disunting oleh Thaha Abdul Razak Sa'ad, Syarikat Percetakan Kesenian Bersatu.
- Salleh, M. A. (2021). *Peranan undang-undang anak negeri dalam sistem perundangan Sabah*. Sabah Law Journal, 12(2), 89–102.
- Salleh, M. A., Ahmad, N. H., & Karim, A. (2019). *Peranan Mahkamah Anak Negeri dalam sistem kehakiman di Sabah*. Jurnal Perundangan, 11(1), 33–48.
- Salleh, M. A., Karim, A., & Hassan, R. (2024). *Pengiktirafan hukum adat dalam perundangan Sabah: Analisis Native Courts Enactment 1992*. Jurnal Undang-undang Kontemporari, 6(1), 70–85.
- Salleh, R. (2021). “Native Law as One of The Sources of Law in Sabah Legal System”, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), pp. 399 - 412. doi: 10.47405/mjssh.v6i11.1138.
- Salleh, R., Ku Yusof, K. M. A. A., Ikhsan, M. I., Matah, L. J. & Herman, H. @R. (2024). “Jurisdiction of the Native Courts in Sabah”. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(11), p. e003042. doi: 10.47405/mjssh.v9i11.3042.
- Sallleh, Rafidah@Malissa, James Matah, Lenny & Aizat Ku Yusof, Ku Mohd Amir. (2019). Sistem Kehakiman Anak Negeri Sabah dalam konteks pelaksanaan hukuman dan denda adat. *Borneo Akademika*, 3 (1). pp. 10-19. ISSN 2462-1641.
- Schreier, M. (2012). *Qualitative content analysis in practice*. SAGE Publications.

- Syed Idid, A. (Ed.). (2015). *Native Court and Customary Law of Sabah (with Cases and Decisions)* (2015 ed.). LexisNexis.
- Wong Adamal, R. (2019). *Tanah adat dan cabaran perundangan di Sabah*. Malaysian Land Law Review, 5(1), 20–35.
- Wong-Adamal, J. (2019). Native Customary Land Rights in Sabah. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 25, 233–240.
- Woolley, G. C. (1939/1953). *Tuaran adat: Sebahagian dari adat Orang-orang Dusun di Daerah Tuaran, West Coast Residency, North Borneo*. Kota Kinabalu: Government Printing Office.
- Zuhair Hafiz, Umar. (2021). *Taqnin Qararaat Majma' al-Feqh al-Islami ad-Dauli fi Masaail al-Maaliah al-Islamiah*. Markaz an-Nasyr al-Ilmi. Jamiah al-Malik Abdul Aziz. Cetakan Pertama, 1442H-2021M, 45.